



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI PERAK  
SIRI 1**





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

NEGERI PERAK  
SIRI 1





---

# KANDUNGAN

---



# KANDUNGAN

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>BAHAGIAN I</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN</b>
	<b>PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
	<b>JABATAN PERTANIAN</b>
3	Pengurusan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan
	<b>JABATAN PERHUTANAN</b>
19	Pengurusan Pengeluaran Hasil Balak
	<b>JABATAN KERJA RAYA DAERAH PERAK TENGAH</b>
	<b>JABATAN KERJA RAYA DAERAH KERIAN</b>
	<b>MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH</b>
28	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	<b>MAJLIS DAERAH KERIAN</b>
	<b>MAJLIS DAERAH GERIK</b>
43	Pengurusan Perolehan
	<b>BAHAGIAN II</b>
	<b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>
53	Pendahuluan
53	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
54	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
55	Objektif Pengauditan
55	Skop Dan Metodologi Pengauditan
56	Kawalan Utama
67	Penemuan Audit
74	Pemeriksaan Audit Mengejut
78	Syor Audit
81	<b>PENUTUP</b>





---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 18 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
19 Mac 2016



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. JABATAN PERTANIAN

#### - Pengurusan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan

**1.1.** Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah mula dilaksanakan di Negeri Perak pada tahun 2003 melalui Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah ditandatangani pada 6 Jun 2003 untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan juga merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Objektif utama program TKPM adalah untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju dan mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan mewujudkan zon kekal hasil pertanian bagi pengeluaran makanan dan mengamalkan amalan pertanian yang baik (MyGAP). Selain itu, ia juga bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan tanah dengan pengurusan ladang berskala besar dan secara estet untuk pulangan yang tinggi.

**1.2.** Pembangunan TKPM di Negeri Perak melibatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak dan peserta. Berdasarkan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani, Kerajaan Persekutuan akan membayai kos pembangunan infrastruktur sementara Kerajaan Negeri Perak akan menyediakan kawasan tanah bersesuaian dan mewartakannya sebagai tapak TKPM. Manakala peserta yang dipilih sama ada terdiri daripada usahawan atau pihak swasta perlu menyediakan sumber kewangan, tenaga kerja, peralatan, input pertanian dan terlibat dalam proses mengusahakan tanaman. Bagi tahun 2012 hingga 2014, peruntukan berjumlah RM3.92 juta diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di mana sejumla RM3.89 juta atau 99.2% telah dibelanjakan untuk membayai kemudahan dan infrastruktur asas seperti penyediaan sistem pengairan utama, sistem perparitan dan saliran, jalan ladang, stor ladang, kolam air, pagar kawasan, bekalan elektrik dan air serta pembersihan kawasan. Manakala Kerajaan Negeri Perak menyediakan kawasan tanah dengan keluasan 3,255 hektar sebagai tapak TKPM di 7 lokasi di Negeri Perak.

**1.3.** Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mei hingga Ogos 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan TKPM adalah memuaskan dengan pencapaian peserta yang memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan adalah memberangsangkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek lain yang masih perlu diambil tindakan pembetulan

dan penambahbaikan memandangkan ia boleh memberi kesan kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program TKPM seperti berikut:

- Sasaran pendapatan peserta melebihi RM3,000 sebulan masih belum tercapai sepenuhnya dan pengeluaran sebenar hasil tidak mencapai sasaran.
- Kelemahan pelaksanaan program TKPM seperti lot tanaman tidak diusahakan dan disenggarakan serta penyalahgunaan dan pengubahsuaihan infrastruktur tanpa kebenaran.
- Surat perjanjian peserta tidak disediakan dengan sempurna, rekod serta fail perjanjian tidak disimpan dengan kemas dan teratur.

**1.4.** Bagi menambah baik pelaksanaan program TKPM, Jabatan Pertanian hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap peserta agar dapat mengikut pelan perniagaan yang ditetapkan bagi menjamin pencapaian sasaran pendapatan dan pengeluaran hasil tanaman, peserta mengusahakan semua lot tanaman dan memastikan surat perjanjian disediakan dan ditandatangani.

## **2. JABATAN PERHUTANAN**

### **- Pengurusan Pengeluaran Hasil Balak**

**2.1.** Hasil hutan merupakan salah satu sumber asli Negeri Perak yang menyumbang sebanyak 8% daripada sumber hasil pendapatan Negeri Perak pada tahun 2012 hingga 2014. Bagi memastikan sumber hasil hutan terkawal, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (Jabatan) memainkan peranan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara lestari dan optimum kepada pembangunan sosio ekonomi negeri. Seksyen 3 Akta Perhutanan 1984 (APN 1984) membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melantik Pengarah Perhutanan (Pengarah) dan pegawai Jabatan Perhutanan untuk mengurus hutan negeri. Dalam Kaedah-Kaedah Hutan 1988 (KKH 1988) menetapkan bayaran royalti, premium dan caj lain bagi setiap pokok sama ada yang ditebang, digergaji, ditukar bentuk, dipungut atau dipindahkan di bawah sesuatu lesen mengikut kadar yang ditetapkan. Seksyen 60(1) APN 1984 pula menetapkan bayaran ses pembangunan dikenakan ke atas hasil balak yang dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga APN 1984 bagi tujuan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2015 hingga Februari 2016 mendapati pengurusan hasil balak oleh Jabatan adalah baik dari segi pencapaian sasaran keluasan kawasan tebangan balak, pengiraan premium, royalti, ses dan lesen mengikut kadar yang ditetapkan dalam perundangan. Di samping itu, kawalan terhadap kawasan menghasil hutan dibuat secara berjadual serta tindakan penguatkuasaan diambil terhadap kesalahan hutan. Bagaimanapun, masih ada berlaku kesalahan hutan oleh pelesen dan pencerobohan disebabkan kelemahan seperti berikut:

- Aktiviti pemantauan di kawasan pembalakan semasa tempoh sah lesen kurang berkesan dan menyebabkan berlakunya pelanggaran syarat-syarat lesen oleh pembalak.
- Laporan Bulanan Kemajuan Pengusahaan Hutan tidak disediakan oleh pelesen secara konsisten.

**2.3.** Bagi meningkatkan pelaksanaan pengurusan pengeluaran hasil balak adalah disyorkan agar Jabatan Perhutanan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

**2.3.1.** Mempertingkatkan aktiviti pemantauan di kawasan pembalakan dalam tempoh sah lesen bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi sepenuhnya oleh pelesen.

**2.3.2.** Memastikan Laporan Bulanan Kemajuan Pengusahaan Hutan disediakan oleh Pegawai Renjer Hutan secara konsisten.

**3. JABATAN KERJA RAYA DAERAH PERAK TENGAH**

**JABATAN KERJA RAYA DAERAH KERIAN**

**MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH**

- **Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri**

**3.1.** Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembentung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya (MARRIS) Negeri Tahun 2013, aktiviti penyenggaraan terbahagi kepada 4 kategori iaitu penyenggaraan rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan bagi memelihara fungsi asal elemen jalan.

**3.2.** Kajian terhadap Penyenggaraan Jalan Negeri pernah dijalankan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2012. Kajian tersebut telah dijalankan di JKR Daerah Kinta, JKR Daerah Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berdasarkan buku garis panduan penyenggaraan jalan tahun 2010. Beberapa kelemahan telah dilaporkan seperti kecacatan pembinaan jalan yang berulang, kerosakan jalan akibat pengorekan oleh pihak lain dan longkang tidak disenggara.

**3.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati secara keseluruhannya Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik dengan prestasi perbelanjaan keseluruhan melebihi 80%. Selain itu, prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan negeri oleh Agensi Pelaksana juga adalah tinggi iaitu melebihi 90% daripada yang dirancang kecuali kerja-kerja penyenggaraan berikut:

- Jalan dan longkang tidak disenggarakan dengan sempurna.
- Kecacatan akibat pengorekan jalan oleh pihak utiliti.

**3.4.** Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan penyenggaraan jalan negeri, adalah disyorkan JKR Daerah Perak Tengah, JKR Daerah Kerian dan Majlis Daerah Perak Tengah mengambil langkah berikut:

**3.4.1.** Memantau dan memastikan pihak konsesi dan kontraktor yang dilantik melaksanakan penyenggaraan secara rutin dan berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan dalam perjanjian.

**3.4.2.** Menyelaras dan memantau kerja-kerja pengorekan jalan oleh pihak utiliti bagi mengelakkan kerja-kerja pengorekan jalan tidak dibuat tanpa kelulusan termasuk memastikan jalan-jalan yang dikorek dibaiki semula dengan baik bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

#### **4. MAJLIS DAERAH KERIAN** **MAJLIS DAERAH GERIK** - Pengurusan Perolehan

**4.1.** Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Majlis Daerah Gerik (MDG) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tanggungjawab MDK dan MDG ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Jabatan Perbendaharaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Majlis dilakukan dengan teratur tertakluk kepada aspek akauntabiliti, integriti dan ekonomi manakala Jabatan Kejuruteraan Majlis pula adalah bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelenggaraan projek-projek pembangunan.

**4.2.** Perolehan yang dilaksanakan di MDK dan MDG adalah secara pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender. Sumber peruntukan kedua-dua Majlis bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM8.73 juta dan RM7.28 juta, Kerajaan Negeri sejumlah RM721,042 bagi MDK dan RM637,265 bagi MDG. Manakala peruntukan Majlis sendiri bagi MDK dan MDG masing-masing berjumlah RM58.37 juta dan RM15.29 juta bagi tempoh yang sama. Dari segi perolehan pula, bagi tahun 2013 hingga 2015, MDK telah membuat 1,474 perolehan bernilai RM17.1 juta dan MDG telah membuat 1,496 perolehan bernilai RM21.05 juta.

**4.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan oleh MDK dan MDG adalah memuaskan dari segi proses perolehan telah dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Namun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Ketidakpatuhan kepada peraturan bayaran seperti Arahan Perubahan Kerja tidak disahkan oleh Pegawai Inden, Pesanan Tempatan lewat dikeluarkan, bekalan lewat dibekalkan dan dokumen sokongan tidak dicap ‘**TELAH BAYAR**’.
- Di MDK, pelaksanaan kerja tidak menepati skop, spesifikasi kerja tidak terperinci dan Sijil Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan.

**4.4.** Bagi memastikan perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mendapat *value for money*, Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Majlis Daerah Gerik (MDG) hendaklah memastikan setiap perolehan yang dibuat sentiasa mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan.

## **BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

**5.** Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 18 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut mendapati 11 Jabatan/Agensi telah mendapat penarafan tahap cemerlang, 2 Jabatan/Agensi pada tahap baik dan 5 Jabatan/Agensi pada tahap memuaskan. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap kurang memuaskan iaitu 2 Bintang atau tahap tidak memuaskan iaitu 1 Bintang. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.





---

# BAHAGIAN I

## AKTIVITI

## JABATAN/AGENSI

## DAN PENGURUSAN SYARIKAT

## KERAJAAN NEGERI

---



---

## **JABATAN PERTANIAN**

---

### **1. PENGURUSAN PROGRAM TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah mula dilaksanakan di Negeri Perak pada tahun 2003 melalui Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah ditandatangani pada 6 Jun 2003 untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan juga merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Objektif utama program TKPM adalah untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju dan mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan mewujudkan zon kekal hasil pertanian bagi pengeluaran makanan dan mengamalkan amalan pertanian yang baik (MyGAP). Selain itu, ia juga bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan tanah dengan pengurusan ladang berskala besar dan secara estet untuk pulangan yang tinggi.

**1.1.2.** Pembangunan TKPM di Negeri Perak melibatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak dan peserta. Berdasarkan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani, Kerajaan Persekutuan akan membiayai kos pembangunan infrastruktur sementara Kerajaan Negeri Perak akan menyediakan kawasan tanah bersesuaian dan mewartakannya sebagai tapak TKPM. Manakala peserta yang dipilih sama ada terdiri daripada usahawan atau pihak swasta perlu menyediakan sumber kewangan, tenaga kerja, peralatan, input pertanian dan terlibat dalam proses mengusahakan tanaman. Bagi tahun 2012 hingga 2014, peruntukan berjumlah RM3.92 juta diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di mana sejumlah RM3.89 juta atau 99.2% telah dibelanjakan untuk membiayai kemudahan dan infrastruktur asas seperti penyediaan sistem pengairan utama, sistem perparitan dan saliran, jalan ladang, stor ladang, kolam air, pagar kawasan, bekalan elektrik dan air serta pembersihan kawasan. Manakala Kerajaan Negeri Perak menyediakan kawasan tanah dengan keluasan 3,255 hektar sebagai tapak TKPM di 7 lokasi di Negeri Perak.

**1.1.3.** Sehingga tahun 2015, sebanyak 5 daripada 7 TKPM yang merangkumi kawasan bertanam seluas 629 hektar telah dibangunkan dengan bilangan peserta seramai 87 orang seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Maklumat TKPM Di Negeri Perak Sehingga Disember 2015**

Bil.	Lokasi TKPM	Tahun Penubuhan	Keluasan Fizikal (Hektar)	Keluasan Bertanam (Hektar)	Bilangan Peserta	Jenis Tanaman Utama
1.	Lekir Daerah Manjung	2001	149	139	18	Mangga, Tembakai, Tanaman Fertigasi & Sayur-sayuran
2.	Sungkai Daerah Batang Padang	2001	420	157	22	Keledek & Sengkuang
3.	Titi Gantung Daerah Perak Tengah	2004	67	86	11	Jagung, Sayur-Sayuran & Tanaman Fertigasi
4.	SKC Slim Daerah Batang Padang	2004	225	204	26	Sayur-sayuran
5.	Gua Tempurung Daerah Kinta	2006	91	43	10	Sayur- Sayuran, Jagung, Ubi Kayu & Sengkuang
6.	Bukit Sapi Lenggong Daerah Hulu Perak	2011	2,300	0	TB	Belum Mula
7.	Degong Daerah Hilir Perak	2014	3	0	TB	Belum Mula
<b>Jumlah</b>			<b>3,255</b>	<b>629</b>	<b>87</b>	

Sumber: Jabatan Pertanian

Nota: TB - Tidak Berkenaan

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan program TKPM telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi program TKPM yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian (Jabatan) dan 3 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Manjung, Perak Tengah dan Kinta bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod, dokumen berkaitan dan lawatan ke 3 lokasi TKPM iaitu TKPM Lekir di Daerah Manjung, TKPM Titi Gantung di Daerah Perak Tengah dan TKPM Gua Tempurung di Daerah Kinta. Selain itu, temu bual dengan pegawai Jabatan dan peserta TKPM juga diadakan bagi melihat keberkesanan program ini. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Pertanian Negeri Perak dan wakil-wakil daripada Jabatan Pertanian Daerah telah diadakan pada 23 September 2015 yang turut dihadiri oleh Ketua Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil Pejabat Kewangan Negeri.

## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mei hingga Ogos 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan TKPM adalah memuaskan dengan pencapaian peserta yang memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan adalah memberangsangkan.

Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek lain yang masih perlu diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan memandangkan ia boleh memberi kesan kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program TKPM seperti berikut:

- Sasaran pendapatan peserta melebihi RM3,000 sebulan masih belum tercapai sepenuhnya dan pengeluaran sebenar hasil tidak mencapai sasaran.
- Kelemahan pelaksanaan program TKPM seperti lot tanaman tidak diusahakan dan disenggarakan serta penyalahgunaan dan pengubahsuaian infrastruktur tanpa kebenaran.
- Surat perjanjian peserta tidak disediakan dengan sempurna, rekod serta fail perjanjian tidak disimpan dengan kemas dan teratur.

#### **1.4.1. Prestasi Pendapatan Dan Hasil Pengeluaran Peserta TKPM**

##### **1.4.1.1. Peningkatan Pendapatan Peserta Program TKPM Belum Tercapai Sepenuhnya**

- a. Pencapaian sasaran pendapatan peserta merupakan antara objektif utama pembangunan projek TKPM iaitu setiap peserta memperoleh pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Semakan Audit mendapati prestasi pendapatan peserta untuk 3 TKPM iaitu TKPM Lekir, Titi Gantung dan Gua Tempurung bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Prestasi Pendapatan Peserta TKPM Lekir, Titi Gantung Dan Gua Tempurung**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	TKPM	2012			2013			2014		
		Bilangan Peserta			Bilangan Peserta			Bilangan Peserta		
		Melebihi RM3,000	Kurang RM3,000	Jumlah	Melebihi RM3,000	Kurang RM3,000	Jumlah	Melebihi RM3,000	Kurang RM3,000	Jumlah
1.	Lekir	9	9	18	16	2	18	13	5	18
2.	Titi Gantung	9	3	12	11	0	11	11	0	11
3.	Gua Tempurung	3	7	10	7	3	10	8	2	10
	<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>19</b>	<b>40</b>	<b>34</b>	<b>5</b>	<b>39</b>	<b>32</b>	<b>7</b>	<b>39</b>
	<b>Peratus (%)</b>	<b>52.5</b>	<b>47.5</b>	<b>100</b>	<b>87.2</b>	<b>12.8</b>	<b>100</b>	<b>82.1</b>	<b>17.9</b>	<b>100</b>

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah

- b. Analisis Audit terhadap prestasi pendapatan peserta di TKPM Lekir, Titi Gantung dan Gua Tempurung bagi tahun 2012 mendapati hanya 21 peserta atau 52.5% daripada 40 peserta memperoleh purata pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan iaitu antara RM3,040 hingga RM22,615 sebulan. Manakala pendapatan bagi 19 peserta yang lain atau 47.5% tidak mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan. Pada tahun 2013, seramai 34 peserta atau 87.2% daripada 39 peserta memperoleh purata pendapatan melebihi sasaran iaitu antara RM3,026 hingga RM38,381 sebulan.

Manakala pendapatan bagi 5 peserta yang lain atau 12.8% tidak mencapai sasaran pendapatan bersih yang ditetapkan. Pada tahun 2014, seramai 32 peserta atau 82.1% daripada 39 peserta di TKPM Lekir, Gua Tempurung dan Titi Gantung telah memperoleh purata pendapatan bersih antara RM3,048 hingga RM38,734 sebulan. Manakala pendapatan bagi 7 peserta yang lain atau 17.9% tidak mencapai pendapatan yang disasarkan.

- c. Analisis Audit turut mendapati seramai 7 daripada 18 peserta iaitu 38.9% di TKPM Lekir, 3 daripada 10 peserta iaitu 30% di TKPM Gua Tempurung dan 9 daripada 11 peserta iaitu 81.8% di TKPM Titi Gantung mencapai purata pendapatan melebihi RM3,000 sebulan berturut-turut untuk tahun 2012 hingga 2014. Manakala baki 20 daripada jumlah keseluruhan 39 peserta di 3 TKPM berkenaan atau 51.3% menunjukkan prestasi pendapatan bersih yang tidak konsisten dalam tempoh yang sama. Antara faktor yang menyebabkan purata pendapatan tidak mencapai sasaran adalah kerana sikap peserta yang kurang komited, kesukaran mendapat tenaga kerja, kekurangan modal pusingan, bencana banjir yang tidak dijangka, serangan serangga perosak dan penyakit tanaman. Selain itu, peserta TKPM juga tidak mengusahakan lot yang disediakan sepenuhnya dan mengakibatkan kekurangan hasil tanaman yang dikeluarkan dan gagal mencapai sasaran yang telah ditetapkan.
- d. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, Jabatan telah mengambil tindakan dengan mengadakan lawatan pasukan teknikal pada kekerapan 4 kali setahun, latihan petak demo dan *hands on*, latihan dan kursus kepada peserta, seminar pekerja asing pada Ogos 2014 dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Imigresen, Kursus Keselamatan Pekerja pada 30 Julai 2015 di Lekir dan Kursus Pengurusan Kewangan oleh Tekun dan Agro Bank pada 30 Julai 2015 dan 30 September 2015.**

#### 1.4.1.2. Kuantiti Hasil Pengeluaran Tanaman Tidak Mencapai Sasaran

- a. Jabatan Pertanian telah menetapkan sasaran pengeluaran hasil tanaman untuk 5 TKPM di Negeri Perak bagi tahun 2012 hingga 2014. Bagi TKPM Lekir, pengeluaran sebenar hasil sayur-sayuran bagi tahun 2012 hingga 2014 tidak mencapai sasaran iaitu sejumlah 3,969 tan metrik atau kurangan 15.1% berbanding 4,677 tan metrik yang disasarkan. Analisis Audit turut mendapati pengeluaran sebenar hasil buah-buahan pada tahun 2012 tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 1,239 tan metrik atau kurangan 29.3% berbanding 1,752 tan metrik yang disasarkan. Manakala pengeluaran hasil buah-buahan pada tahun 2013 adalah sebanyak 1,796 tan metrik atau 36.1% meningkat berbanding sasaran 1,148 tan metrik. Bagaimanapun peningkatan pengeluaran hasil buah-buahan pada tahun 2014 hanya 54.5% iaitu 2,163 tan metrik berbanding sasaran sebanyak 1,400 tan metrik.

- b. Bagi TKPM Titi Gantung, pengeluaran sebenar hasil sayur-sayuran bagi tahun 2012 hingga 2014 juga tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 3,111 tan metrik atau kurangan 29.4% berbanding 4,406 tan metrik yang disasarkan. Analisis Audit turut mendapati pada tahun 2012 tiada sebarang sasaran pengeluaran hasil buah-buahan ditetapkan. Bagaimanapun terdapat sebanyak 216 tan metrik pengeluaran hasil buah-buahan direkodkan. Manakala pengeluaran hasil buah-buahan pada tahun 2013 hingga 2014 adalah tidak mencapai sasaran iaitu hanya sebanyak 261 tan metrik atau kurangan 39.3% pengeluaran sebenar hasil buah-buahan direkodkan berbanding 430 tan metrik yang disasarkan.
- c. Bagi TKPM Gua Tempurung, pengeluaran sebenar hasil sayur-sayuran bagi tahun 2012 dan 2014 didapati tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 1,280 tan metrik atau pengurangan 24.7% berbanding 1,700 tan metrik yang disasarkan. Manakala pengeluaran sebenar hasil buah-buahan pada tahun 2012 juga tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 146 tan metrik atau pengurangan 27.0% berbanding 200 tan metrik yang disasarkan. Pada tahun 2013, pengeluaran hasil buah-buahan adalah sebanyak 190 tan metrik atau 55.7% meningkat berbanding 122 tan metrik yang disasarkan. Bagaimanapun peningkatan pengeluaran hasil tanaman pada tahun 2014 hanya 6.7% iaitu 32 tan metrik berbanding sasaran sejumlah 30 tan metrik. Butiran terperinci seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Prestasi Pencapaian Hasil Tanaman**  
**Untuk TKPM Lekir, Titi Gantung Dan Gua Tempurung**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Kategori Tanaman	Sasaran Pengeluaran		Jumlah Pengeluaran Sebenar		Pencapaian Sasaran Peningkatan/ (Penurunan)	
		Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (%)	Nilai (%)
<b>TKPM Lekir</b>							
2012	Buah-Buahan	1,752	2.00	1,239	1.21	-29.3	-39.5
	Sayur-Sayuran	1,991	2.62	1,619	2.09	-18.7	-20.2
<b>Jumlah</b>		<b>3,743</b>	<b>4.62</b>	<b>2,858</b>	<b>3.30</b>	<b>23.6</b>	<b>28.6</b>
2013	Buah-Buahan	1,148	1.49	1,796	1.88	56.4	26.2
	Sayur-Sayuran	1,386	1.89	1,277	1.95	-7.9	3.2
<b>Jumlah</b>		<b>2,534</b>	<b>3.38</b>	<b>3,073</b>	<b>3.83</b>	<b>21.3</b>	<b>13.3</b>
2014	Buah-Buahan	1,400	1.70	2,163	2.36	54.5	38.8
	Sayur-Sayuran	1,300	1.71	1,073	1.48	-17.5	-13.5
<b>Jumlah</b>		<b>2,700</b>	<b>3.41</b>	<b>3,236</b>	<b>3.84</b>	<b>19.9</b>	<b>12.6</b>
<b>TKPM Titi Gantung</b>							
2012	Buah-Buahan	0.00	0.00	216	0.21	100.0	100.0
	Sayur-Sayuran	1,474	1.55	919	1.19	-37.7	-23.2
<b>Jumlah</b>		<b>1,474</b>	<b>1.55</b>	<b>1,135</b>	<b>1.40</b>	<b>-23.0</b>	<b>-9.7</b>
2013	Buah-Buahan	215	0.21	143	0.13	-33.5	-38.1
	Sayur-Sayuran	1,466	1.67	1,171	1.61	-20.1	-3.6
<b>Jumlah</b>		<b>1,681</b>	<b>1.88</b>	<b>1,314</b>	<b>1.74</b>	<b>-21.8</b>	<b>-7.4</b>

Tahun	Kategori Tanaman	Sasaran Pengeluaran		Jumlah Pengeluaran Sebenar		Pencapaian Sasaran Peningkatan/ (Penurunan)	
		Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (%)	Nilai (%)
2014	Buah-Buahan	215	0.21	118	0.14	-45.1	-33.3
	Sayur-Sayuran	1,466	1.67	1,021	1.47	-30.4	-12.0
	<b>Jumlah</b>	<b>1,681</b>	<b>1.88</b>	<b>1,139</b>	<b>1.61</b>	<b>-32.2</b>	<b>-14.4</b>
<b>TKPM Gua Tempurung</b>							
2012	Buah-Buahan	200	0.20	146	0.10	-27.0	-50.0
	Sayur-Sayuran	600	0.60	445	0.48	-25.8	-20.0
	<b>Jumlah</b>	<b>800</b>	<b>0.80</b>	<b>591</b>	<b>0.58</b>	<b>-26.1</b>	<b>-27.5</b>
2013	Buah-Buahan	122	0.15	190	0.38	55.7	153.3
	Sayur-Sayuran	800	1.32	878	2.13	9.8	61.4
	<b>Jumlah</b>	<b>922</b>	<b>1.47</b>	<b>1,068</b>	<b>2.51</b>	<b>15.8</b>	<b>70.7</b>
2014	Buah-Buahan	30	0.06	32	0.07	6.7	16.7
	Sayur-Sayuran	1,100	1.98	835	1.90	-24.1	-4.0
	<b>Jumlah</b>	<b>1,130</b>	<b>2.04</b>	<b>867</b>	<b>1.97</b>	<b>23.3</b>	<b>-3.4</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- d. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, kuantiti hasil pengeluaran tanaman tidak mencapai sasaran disebabkan banjir yang mengakibatkan tanaman ditenggelami air, peserta kekurangan modal pusingan, serangan makhluk perosak, masalah kekangan tenaga kerja dan peserta gagal mengikut jadual perancangan tanaman yang asal. Selain itu, terdapat juga penanaman berterusan oleh peserta tanpa sistem tanaman giliran disebabkan peserta terikat dengan kontrak pemborong dan wujud lot tanaman kosong berikutnya penyingkiran peserta.**

#### 1.4.1.3. Perjanjian Peserta Tidak Lengkap

- a. Perjanjian antara peserta dan Kerajaan perlu disediakan bagi melindungi kepentingan kedua-dua pihak. Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Program Pembangunan Industri Makanan; Para 6.5 menyatakan Pembangunan TKPM yang dilaksanakan di atas tanah Kerajaan, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) yang dikenal pasti hendaklah menandatangani satu surat ikatan bersama peserta dengan memberi kuasa dan kebenaran untuk memajukan tanah TKPM. Penggunaan tanah Kerajaan, PPPNP dan SSI dapat mengurangkan tanah-tanah yang tidak diusahakan secara ekonomik dan sistematik. Peserta juga akan dikenakan bayaran sewa sejumlah RM500 sehektar setahun kepada Kerajaan. Bagi TKPM Lekir, pemilik tanah adalah Kerajaan Negeri, PPPNP dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), manakala TKPM Titi Gantung adalah milik PTP dan TKPM Gua Tempurung adalah milik PPPNP.

- b. Sehingga bulan Julai 2015, semakan Audit mendapati seramai 37 peserta daripada 40 peserta di TKPM Lekir, Titi Gantung dan Gua Tempurung tidak menandatangani perjanjian dengan pemilik tanah seperti di **Jadual 1.4**. Hanya 3 orang peserta yang menandatangani perjanjian sebagai peserta TKPM Lekir di mana 2 daripadanya menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri di bawah status kawasan Ladang Pusat Pertanian Lekir yang bukan tapak TKPM. Semakan turut mendapati perjanjian tersebut juga telah tamat pada 30 April 2013 dan 31 Mei 2012. Sehingga tarikh akhir pengauditan, perjanjian masih belum diperbaharui.

**Jadual 1.4**  
**Status Tandatangan Perjanjian**  
**Antara Peserta TKPM Lekir, TKPM Titi Gantung Dan TKPM Gua Tempurung**  
**Dengan Pemilik Sehingga Julai 2015**

Bil.	TKPM	Bilangan Peserta Yang Menandatangani Perjanjian			Peserta Yang Tidak Menandatangani Perjanjian	Jumlah Peserta
		Kerajaan Negeri	PPPNP	PTP		
1.	Lekir	3	0	0	14	17
2.	Titi Gantung	TB	TB	0	13	13
3.	Gua Tempurung	TB	0	TB	10	10
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>37</b>	<b>40</b>

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah

Nota: TB - Tidak Berkenaan

- c. Selain itu, semakan Audit turut mendapati hanya 7 daripada 40 peserta yang mempunyai surat tawaran yang lengkap bagi semua lot yang dimiliki di TKPM Lekir, Titi Gantung dan Gua Tempurung. Manakala, 33 peserta sama ada tidak mempunyai surat tawaran atau surat tawaran tidak disertakan syarat tawaran dan surat setuju terima. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**Bilangan Peserta Di Tiga TKPM Yang Mempunyai Surat Tawaran Yang Lengkap**  
**Bagi Semua Lot TKPM Sehingga Julai 2015**

Bil.	TKPM	Bilangan Peserta		
		Surat Tawaran Lengkap	Peserta Tiada Surat Tawaran/ Surat Tawaran Tidak Lengkap	Jumlah
1.	Lekir	2	15	17
2.	Titi Gantung	3	10	13
3.	Gua Tempurung	2	8	10
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>33</b>	<b>40</b>

Sumber: Pejabat Pertanian Daerah

- d. Pihak Audit mendapati keadaan ini berlaku disebabkan perjanjian sewa Tanah TKPM antara Kerajaan Negeri, PPPNP dan peserta masih belum dimuktamadkan sehingga tarikh akhir pengauditan dan masih di peringkat semakan draf sejak tahun 2010. Selain itu, salinan surat perjanjian, syarat tawaran dan surat setuju terima peserta tidak disimpan dan difaiklan dengan teratur. Ketiadaan surat perjanjian yang lengkap perlu diberi perhatian serius kerana boleh mengakibatkan Jabatan atau Kerajaan

Negeri tidak dapat mengambil sebarang tindakan terhadap peserta jika berlaku sebarang pelanggaran syarat-syarat dan boleh merugikan Kerajaan.

- e. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, draf perjanjian masih di peringkat semakan semula oleh Penasihat Undang-undang Persekutuan. Jabatan telah mengemas kini perjanjian, membuat penambahbaikan terhadap perjanjian sedia ada dan draf perjanjian berkenaan telah mendapat kelulusan di peringkat Penasihat Undang-undang (PUU) Negeri Perak. Perjanjian ini akan ditandatangani semula setelah data dan kelulusan setiap lot peserta dikemas kini. Selain itu, surat tawaran dan surat setuju terima peserta tidak disimpan dan difailkan secara teratur kerana berlakunya pertukaran pegawai serta pertukaran peserta ladang. Jabatan akan mengemas kini dan memperbaharui semula perjanjian peserta ladang.**

Pada pendapat Audit, prestasi TKPM adalah memuaskan dengan peserta yang memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan adalah antara 52.5% hingga 87.2% untuk tempoh 3 tahun.

#### 1.4.2. Tanah Dan Kemudahan Infrastruktur Tidak Digunakan Secara Optimum

##### 1.4.2.1. Lot Tanaman Tidak Diusahakan

- a. Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri menetapkan pembahagian tapak projek kepada lot individu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kejayaan program TKPM juga dinilai berdasarkan komitmen peserta dalam mengusahakan lot tanaman ladang yang diagihkan. Selain itu, berdasarkan pelan perniagaan yang disediakan oleh Jabatan, peserta hendaklah mengusahakan lot tanaman mengikut jenis tanaman sayur-sayuran atau buah-buahan yang telah ditetapkan. Lawatan Audit ke TKPM Lekir, Titi Gantung dan Gua Tempurung pada bulan Jun 2015 mendapati 15 lot atau 14.0% daripada 107 lot terbiar tidak diusahakan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Lot Tanaman Di Tiga TKPM Yang Tidak Diusahakan Sehingga Julai 2015**

Bil.	TKPM	Keluasan (Hektar)	Jumlah Lot	Lot Diusahakan	Lot Tidak Diusahakan
1.	Lekir	139	27	25	2
2.	Titi Gantung	86	43	43	0
3.	Gua Tempurung	43	37	24	13
<b>Jumlah</b>		<b>268</b>	<b>107</b>	<b>92</b>	<b>15</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- b. Melalui temu bual pihak Audit dengan Pegawai Pertanian dan peserta berkenaan, keadaan ini berlaku disebabkan peserta tidak mengikuti pelan perniagaan yang disediakan seperti tidak mematuhi jadual tanaman yang ditetapkan, sikap peserta yang kurang berminat dan tidak memberikan komitmen, mempunyai pekerjaan lain,

kekurangan tenaga pekerja dan ladang dilanda banjir. Akibatnya lot tanaman terbiar dipenuhi semak samun serta kemudahan infrastruktur yang disediakan tidak dimanfaatkan secara optimum. **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.6** adalah berkaitan.

**Gambar 1.1**

**Lot Tanaman Tidak Diusahakan Dan Dipenuhi Semak Samun Di TKPM Lekir**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 10, TKPM Lekir

Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.2**

**Lot Tanaman Tidak Diusahakan Dan Dipenuhi Semak Samun Di TKPM Lekir**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 11, TKPM Lekir

Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.3**

**Lot Tanaman Tidak Diusahakan Dan Terbiar Di TKPM Gua Tempurung**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: P5A (Fasa 1), Gua Tempurung

Tarikh: 30 Jun 2015

**Gambar 1.4**

**Lot Tanaman Tidak Diusahakan Dan Terbiar Di TKPM Gua Tempurung**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: P5 (Fasa 3), Gua Tempurung

Tarikh: 30 Jun 2015

**Gambar 1.5**  
**Stor Yang Terbiar Di Lot Ladang Mangga**  
**TKPM Lekir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 11, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.6**  
**Stor Yang Terbiar Di Lot Ladang Mangga**  
**TKPM Lekir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 11, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

- c. Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, pihak Jabatan Pertanian Daerah Manjung telah mengeluarkan surat mengesyorkan penyingkiran peserta terbabit kepada Pengarah Pertanian Negeri Perak pada 1 September 2015 untuk tindakan penyingkiran setelah surat amaran dikeluarkan. Jabatan Pertanian Negeri akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa tindakan penyingkiran peserta pada Oktober 2015.

#### 1.4.2.2. Lot Tanaman Tidak Disenggarakan

- a. Berdasarkan Syarat Tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan kepada peserta TKPM, peserta dikehendaki menanggung kos senggara di lot tanaman dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti pembersihan kawasan ladang. Lot tanaman juga mestilah disenggarakan mengikut tatacara dalam Manual Tanaman seperti dibaja, diracun dan dikawal dari serangan penyakit dan makhluk perosak secara terancang dan berjadual. Lawatan Audit ke tapak TKPM Lekir, Titi Gantung dan Gua Tempurung pada bulan Jun 2015 mendapati keadaan ladang-ladang TKPM tidak diurus dan disenggarakan dengan baik kerana ladang tanaman ditumbuhinya lalang, rumput tidak diracun dan dipenuhi semak samun serta tanaman diserang penyakit seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.12**.

**Gambar 1.7**  
**Parit Ditumbuhi Lalang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot F2, TKPM Titi Gantung  
Tarikh: 17 Jun 2015

**Gambar 1.8**  
**Parit Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: P1A & P1B, TKPM Gua Tempurung  
Tarikh: 29 Jun 2015

**Gambar 1.9**  
**Ladang Sayur-sayuran Ditumbuhi Lalang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: 3025 (a), TKPM Lekir  
Tarikh: 11 Jun 2015

**Gambar 1.10**  
**Ladang Sayur-sayuran Ditumbuhi Lalang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: P3 (Fasa 1), TKPM Gua Tempurung  
Tarikh: 29 Jun 2015

**Gambar 1.11**  
**Kawasan Tanaman Buah-buahan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: P6 (Fasa 1), TKPM Gua Tempurung  
Tarikh: 30 Jun 2015

**Gambar 1.12**  
**Kawasan Tanaman Buah-buahan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: P6 (Fasa 1), TKPM Gua Tempurung  
Tarikh: 30 Jun 2015

- b. Temu bual pihak Audit dengan Pegawai Pertanian yang bertanggungjawab terhadap program TKPM menjelaskan keadaan ladang tidak disenggarakan kerana peserta menghadapi masalah kekurangan modal, peserta tidak menguruskan ladang

mengikut tatacara yang ditetapkan selain kurang komited terhadap projek tanaman yang diusahakan. Selain itu, menurut peserta yang ditemui bual, ladang yang tidak disenggara kerana lot tanaman telah dilanda banjir, masalah kekurangan pekerja kerana warga tempatan kurang berminat bekerja di sektor pertanian manakala pengambilan pekerja warga asing melibatkan kos yang tinggi dan peserta mempunyai pekerjaan atau komitmen lain selain menguruskan TKPM.

- c. Lawatan Audit ke TKPM Lekir pada Jun 2015 mendapati tempat pengumpulan bekas racun yang disediakan oleh Jabatan tidak digunakan oleh peserta. Sebaliknya peserta telah membuang bekas-bekas kosong racun di sekitar kawasan ladang masing-masing seperti di **Gambar 1.13** hingga **Gambar 1.16**. Bagaimanapun, lawatan Audit ke TKPM Titi Gantung pula mendapati semua peserta menggunakan sepenuhnya tempat pengumpulan bekas racun yang disediakan seperti di **Gambar 1.17**.

**Gambar 1.13**  
**Bekas Racun Kosong Berselerakan**  
**Di Kawasan Ladang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 15, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.14**  
**Bekas Racun Kosong Berselerakan**  
**Di Kawasan Ladang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.15**  
**Tempat Pengumpulan Bekas Racun Kosong Disediakan Jabatan Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Lekir  
Tarikh: 11 Jun 2015

**Gambar 1.16**  
**Tempat Pengumpulan Bekas Racun Kosong Disediakan Jabatan Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Lekir  
Tarikh: 11 Jun 2015

**Gambar 1.17**

**Tempat Pengumpulan Bekas Racun Kosong Yang Digunakan Sepenuhnya  
Oleh Peserta TKPM Titi Gantung**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Titi Gantung  
Tarikh: 16 Jun 2015

- d. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, pihak Jabatan akan lebih peka dan tegas terhadap penyenggaraan kawasan ladang selepas ini. Jabatan Pertanian Daerah Manjung telah mengambil tindakan mengeluarkan surat arahan berkaitan penggunaan pusat pengumpulan bekas kosong kepada semua peserta bertarikh 30 Jun 2015 bagi memastikan infrastruktur yang disediakan digunakan sepenuhnya.**

#### **1.4.2.3. Penyalahgunaan Dan Pengubahsuaian Infrastruktur Tanpa Kebenaran**

- a. Pembinaan stor merupakan salah satu penyediaan infrastruktur oleh pihak Kerajaan dalam program TKPM dan ke arah mencapai objektif mewujudkan kawasan pengeluaran hasil pertanian yang mengamalkan amalan pertanian baik (MyGAP). Bagi mematuhi peraturan MyGap, pembinaan stor adalah untuk memastikan baja disimpan dalam tempat bertutup, bersih dan lokasi yang kering serta tiada risiko pencemaran kepada sumber air. Selain itu, baja dan racun tidak boleh disimpan dalam bilik yang sama. Lawatan Audit terhadap sampel lot tanaman di TKPM Lekir mendapati stor yang dibina telah dijadikan tempat kediaman atau tempat rehat pekerja dan bukan sebagai tempat menyimpan baja dan racun seperti di **Gambar 1.18** hingga **Gambar 1.20**. Semakan Audit turut mendapati ada peserta yang membina stor sendiri untuk menyimpan racun dan baja seperti di **Gambar 1.21** bagi menggantikan stor asal yang telah dijadikan tempat kediaman pekerja. Bagaimanapun baja dan racun disimpan bersekali seperti di **Gambar 1.22** dan **Gambar 1.23**.

**Gambar 1.18**  
**Stor Yang Telah Dijadikan Tempat Kediaman Pekerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 7, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.19**  
**Stor Yang Telah Dijadikan Tempat Kediaman Pekerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.20**  
**Stor Yang Dijadikan Tempat Berehat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fertigasi C3, C4, C5, TKPM Lekir  
Tarikh: 11 Jun 2015

**Gambar 1.21**  
**Stor Dibina Oleh Peserta**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3, TKPM Lekir  
Tarikh: 10 Jun 2015

**Gambar 1.22**  
**Baja Dan Racun Disimpan Di Tempat Yang Sama**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fertigasi C3,C4, C5, TKPM Lekir  
Tarikh: 11 Jun 2015

**Gambar 1.23**  
**Baja Dan Racun Disimpan Di Tempat Yang Sama**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 15, TKPM Lekir  
Tarikh: 11 Jun 2015

- b. Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, Jabatan telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Surat Arahan Pengosongan Stor Penyimpanan Input/Peralatan bertarikh 30 Jun 2015 kepada semua peserta yang menjadikan stor sebagai kediaman dan pejabat. Tindakan pengasingan baja dan racun telah diambil dengan memanggil kontraktor membuat *partition* dan telah selesai sepenuhnya pada 28 Jun 2015.
- c. Selain itu, berdasarkan perjanjian antara peserta TKPM dan Jabatan, peserta tidak dibenarkan membina apa-apa bangunan kekal di mana-mana bahagian tanah TKPM kecuali setelah mendapat persetujuan bertulis daripada pihak Jabatan. Lawatan Audit ke TKPM Titi Gantung pula mendapati, stor yang dibina oleh Jabatan telah diubahsuai kepada bangunan kekal untuk dijadikan tempat kediaman pekerja, ruang pejabat serta stor menyimpan baja dan racun seperti di **Gambar 1.24** dan **Gambar 1.25**.

**Gambar 1.24**  
Stor Yang Telah Diubahsuai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot H1, TKPM Titi Gantung  
Tarikh: 17 Jun 2015

**Gambar 1.25**  
Stor Yang Dijadikan Pejabat



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot H1, TKPM Titi Gantung  
Tarikh: 17 Jun 2015

- d. Selain itu, pihak Audit turut mendapati peserta telah menambah infrastruktur kolam takungan dengan membina 2 unit kolam kecil takungan air yang baru bagi menggantikan kolam takungan air yang disediakan oleh Jabatan yang tidak dapat digunakan kerana mengalami kerosakan teknikal seperti di **Gambar 1.26** dan **Gambar 1.27**. Pengubahsuaian ini telah menyalahi peraturan TKPM kerana tidak mendapat kelulusan bertulis daripada pihak Jabatan.

**Gambar 1.26**  
**Kolam Takungan Air Asal Yang Dibina  
Oleh Jabatan Pertanian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot H2, TKPM Titi Gantung  
Tarikh: 17 Jun 2015

**Gambar 1.27**  
**Dua Kolam Takungan Air Yang Dibina  
Oleh Peserta**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot H2, TKPM Titi Gantung  
Tarikh: 17 Jun 2015

- e. **Mengikut maklum balas daripada Jabatan Pertanian bertarikh 30 September 2015, pihak Jabatan Pertanian Daerah Perak Tengah telah mengarahkan peserta menutup semula 2 kolam kecil tersebut dengan kadar segera dan kelulusan kebenaran bagi pengubahsuaian stor telah diberi atas keperluan peserta bagi menyimpan barang/input ladang melalui surat bertarikh 14 September 2015.**

Pada pendapat Audit, Jabatan Pertanian perlulah meningkatkan pemantauan supaya peserta menggunakan kemudahan infrastruktur yang disediakan dan tidak mengubahsuai kemudahan tanpa kebenaran.

## 1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Jabatan Pertanian hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap peserta agar dapat mengikut pelan perniagaan yang ditetapkan bagi menjamin pencapaian sasaran pendapatan dan pengeluaran hasil tanaman, peserta mengusahakan semua lot tanaman dan memastikan surat perjanjian disediakan dan ditandatangani.

## **JABATAN PERHUTANAN**

### **2. PENGURUSAN PENGELOUARAN HASIL BALAK**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Hasil hutan merupakan salah satu sumber asli Negeri Perak yang menyumbang sebanyak 8% daripada sumber hasil pendapatan Negeri Perak pada tahun 2012 hingga 2014. Bagi memastikan sumber hasil hutan terkawal, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (Jabatan) memainkan peranan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara lestari dan optimum kepada pembangunan sosio ekonomi negeri. Seksyen 3 Akta Perhutanan 1984 (APN 1984) membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melantik Pengarah Perhutanan (Pengarah) dan pegawai Jabatan Perhutanan untuk mengurus hutan negeri. Dalam Kaedah-Kaedah Hutan 1988 (KKH 1988) menetapkan bayaran royalti, premium dan caj lain bagi setiap pokok sama ada yang ditebang, digergaji, ditukar bentuk, dipungut atau dipindahkan di bawah sesuatu lesen mengikut kadar yang ditetapkan. Seksyen 60(1) APN 1984 pula menetapkan bayaran ses pembangunan dikenakan ke atas hasil balak yang dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga APN 1984 bagi tujuan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

**2.1.2.** Keluasan tanah di Negeri Perak 2,102,200 hektar manakala keluasan kawasan berhutan Negeri Perak adalah 1,022,274 hektar. Daripada jumlah tersebut luas HSK adalah 995,217 hektar dan TK adalah seluas 19,146 hektar. Bagi melaksanakan aktiviti pengeluaran balak, Jabatan menggunakan pakai Manual Perhutanan Tahun 2003 dan Garis Panduan Balai Pemeriksa Hutan Tahun 2011.

**2.1.3.** Mengikut rekod Jabatan, kutipan hasil balak Negeri Perak bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM123.63 juta. Butiran kutipan hasil balak Negeri Perak bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1  
Kutipan Hasil Balak Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Hasil	Hasil Balak (RM Juta)			
		2012	2013	2014	Jumlah
1.	Premium	23.96	21.20	21.13	66.29
2.	Royalti	15.61	9.70	8.04	33.35
3.	Ses Pembangunan	7.36	6.55	8.08	21.99
4.	Lesen/Permit	0.68	0.57	0.75	2.00
<b>Jumlah</b>		<b>47.61</b>	<b>38.02</b>	<b>38.00</b>	<b>123.63</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran hasil balak diurus dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini meliputi tempoh tahun 2012 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Pejabat Perhutanan Daerah Larut & Matang, Taiping dan Pejabat Perhutanan Daerah Hulu Perak, Gerik. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat serta lawatan Audit ke kawasan hutan yang dipilih. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perak serta pegawai kanan Jabatan diadakan pada 7 Mac 2016. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh wakil dari Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) dan Unit Audit Dalam SUK Negeri Perak.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2015 hingga Februari 2016 mendapati pengurusan hasil balak oleh Jabatan adalah baik dari segi pencapaian sasaran keluasan kawasan tebangan balak, pengiraan premium, royalti, ses dan lesen mengikut kadar yang ditetapkan dalam perundangan. Di samping itu, kawalan terhadap kawasan mengusahasil hutan dibuat secara berjadual serta tindakan penguatkuasaan diambil terhadap kesalahan hutan. Bagaimanapun, masih ada berlaku kesalahan hutan oleh pelesen dan pencerobohan disebabkan kelemahan seperti berikut:

- Aktiviti pemantauan di kawasan pembalakan semasa tempoh sah lesen kurang berkesan dan menyebabkan berlakunya pelanggaran syarat-syarat lesen oleh pembalak.
- Laporan Bulanan Kemajuan Pengusahasilan Hutan tidak disediakan oleh pelesen secara konsisten.

### **2.4.1. Pengeluaran Lesen Pembalakan**

Aktiviti pengeluaran kayu balak daripada HSK atau TK perlu mendapat kebenaran daripada PBN melalui lesen dan permit seperti ditetapkan dalam Seksyen 15 (1) APN 1984. Setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah Perhutanan, pelesen perlu menyediakan Rancangan Mengusahasil Hutan (RMH) sebelum sesuatu aktiviti pembalakan dimulakan seperti ditetapkan dalam Seksyen 20(b)(ii) APN 1984. Semua pelesen perlu mendapatkan permit penggunaan bagi menjalankan aktiviti di dalam kawasan pembalakan seperti ditetapkan dalam Seksyen 32(1) APN 1984. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2011 hingga 2015 sebanyak 537 lesen balak meliputi keluasan pembalakan seluas antara 4,559 hingga 8,642 hektar setiap tahun seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Bilangan Lesen Dikeluarkan Dan Luas Kawasan Pembalakan**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2015**

Tahun	Lesen Balak (Bil.)	Luas (ha)
2011	169	7,862
2012	96	6,985
2013	116	8,642
2014	93	6,898
2015	63	4,559
<b>Jumlah</b>	<b>537</b>	<b>34,946</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan

**2.4.1.1.** Semakan Audit selanjutnya terhadap 20 fail pelesen di Daerah Larut & Matang dan 25 fail di Daerah Hulu Perak bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapat kesemua pelesen telah menyediakan Rancangan Mengusahasil Hutan seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Penyediaan Rancangan Mengusahasil Hutan (RMH)**  
**Di Hulu Perak Dan Larut & Matang**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Daerah	Bilangan Pelesen	Keluasan (Hektar)	Bilangan Fail Pelesen			Bayaran Premium (Tahun)
				Penyediaan RMH	Kelulusan Tanda Harta	Penandaan Kawasan	
1.	Larut & Matang	20	33 - 100	20	20	20	2010-2013
2.	Hulu Perak	25	30 - 300	25	25	25	2010-2014
<b>Jumlah</b>		<b>45</b>		<b>45</b>	<b>45</b>	<b>45</b>	

Sumber: Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang Dan Hulu Perak

**2.4.1.2.** Begitu juga aktiviti dalam HSK yang memerlukan lesen kecil dan permit penggunaan seperti penyediaan jalan, penggunaan jentera untuk memotong pokok, tempat pengumpulan kayu balak sebelum dijual dan tempat tinggal pekerja balak dalam kawasan HSK bagi tahun 2012 hingga 2015 adalah memenuhi syarat seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Bilangan Lesen Balak, Lesen Kecil Dan Permit Penggunaan**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2015**

Bil.	Perkara	Daerah		Jumlah
		Larut & Matang	Hulu Perak	
1.	Lesen Balak	20	25	45
2.	Permit Jalan (Lesen Kecil)	17	20	37
3.	Permit Jentera (Lesen Kecil)	123	233	356
4.	Permit Gergaji (Lesen Kecil)	61	101	162
5.	Permit Penggunaan (Matau)	183	208	391
6.	Permit Penggunaan (Kongsi)	3	8	11

Sumber: Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang Dan Hulu Perak

**Pada pendapat Audit pengurusan pengeluaran lesen pembalakan adalah baik kerana syarat-syarat yang ditetapkan telah dipatuhi oleh pelesen.**

## **2.4.2. Kawalan Catuan Tebangan Tahunan Pengeluaran Balak**

Majlis Tanah Negara (MTN) telah menetapkan keluasan kawasan pembalakan bagi Negeri Perak adalah seluas 7,000 hektar setahun mengikut Rancangan Malaysia (RMK). Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengamalkan kaedah penebangan hasil hutan mengikut keluasan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) iaitu 6,990 hektar setahun yang berjumlah 34,950 hektar untuk tempoh 5 tahun. Prestasi pengeluaran balak boleh diukur daripada keluasan kawasan pembalakan atau pengeluaran balak dalam sukatan isi padu seperti dinyatakan dalam Seksyen 4(b) APN 1984. Nilai hasil kayu balak diambil kira berasaskan isi padu kayu balak dan jenis kayu.

**2.4.2.1.** Semakan Audit mendapati keluasan kawasan pembalakan mengikut CTT adalah baik iaitu antara 65.2% hingga 123.6% daripada had ditetapkan bagi tempoh 2011 hingga 2015 seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Keluasan Kawasan Pembalakan Mengikut Catuan Tebangan Tahunan**  
**Bagi Tahun 2011 hingga 2015**

Tahun	Catuan Tebangan Tahunan (hektar)		Peratus Pencapaian (%)
	Had Ditetapkan	Sebenar	
2011	6,990	7,862	112.5
2012	6,990	6,985	99.9
2013	6,990	8,642	123.6
2014	6,990	6,898	98.7
2015	6,990	4,559	65.2
<b>Jumlah</b>	<b>34,950</b>	<b>34,946</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan

**2.4.2.2.** Mengikut Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak tahun 2012, 2013 dan 2014 luas kawasan pembalakan adalah antara 6,898 hingga 8,642 hektar setahun. Manakala pengeluaran kayu balak adalah antara 507,088 hingga 660,289 meter padu setahun adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Kawasan Pembalakan Dan Pengeluaran Balak**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Perkara	Tahun		
		2012	2013	2014
1.	Catuan Tebangan Tahunan	6,990	6,990	6,990
2.	Luas Kawasan Pembalakan (hektar)	6,985	8,642	6,898
3.	Pengeluaran Balak ( $m^3$ )	660,289	576,468	507,088

Sumber: Jabatan Perhutanan

**Pada pendapat Audit, kawalan catuan tebangan tahunan kawasan pengeluaran balak adalah baik.**

### **2.4.3. Pemantauan Dan Penguatkuasaan**

Pemeriksaan dan pengawalan kawasan pembalakan yang dileSENKEN hendaklah dijalankan oleh Pegawai Renjer Hutan seperti ditetapkan dalam Manual Perhutanan Jilid 2. Pegawai Renjer Hutan juga dikehendaki menyediakan Laporan Bulanan Kemajuan PengusahaSILAN dan dikemukakan kepada Pegawai Hutan Daerah dalam 2 salinan. Akta Perhutanan Negara 1984 juga memperuntukkan bayaran kompaun dan denda kepada pelesen yang melanggar undang-undang yang ditetapkan dan tindakan pemberhentian kerja pembalakan boleh dikenakan. Semakan Audit mendapati, walaupun Jabatan telah melakukan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan namun masih berlaku kesalahan hutan termasuk pencerobohan kawasan HSK. Butiran selanjutnya adalah seperti berikut:

#### **2.4.3.1. Tindakan Penguatkuasaan**

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Jabatan telah berjaya mengutip sejumlah RM5.96 juta daripada bayaran kompaun dan ganti rugi bagi kesalahan hutan yang dilakukan. Daripada nilai tersebut, sejumlah RM4.76 juta adalah kutipan bayaran ganti rugi dan RM1.20 juta bagi kutipan kompaun seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Nilai Kompaun Dan Ganti Rugi Kesalahan Hutan**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Pelesen		
	Kompaun (RM Juta)	Ganti Rugi (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2012	0.39	1.89	2.28
2013	0.28	1.28	1.56
2014	0.53	1.59	2.12
<b>Jumlah</b>	<b>1.20</b>	<b>4.76</b>	<b>5.96</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan

#### **2.4.3.2. Pemantauan Kawasan Pembalakan**

##### **a. Kesalahan Hutan**

Mengikut Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada tahun 2012, sebanyak 60 kes kesalahan hutan pada tahun 2012 termasuk 4 kes pembalakan haram, 45 kes pada tahun 2013 termasuk 1 kes pembalakan haram dan 40 kes pada tahun 2014. Tiada kes pembalakan haram pada tahun 2014 dan ianya sejajar dengan Deklarasi Cherating yang mensasarkan pembalakan sifar menjelang tahun 2016. Bilangan kesalahan hutan bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**  
**Bilangan Kesalahan Hutan**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Bil. Kes Kesalahan Hutan		Kes Bawa Mahkamah
	Kesalahan Hutan	Pembalakan Haram	
2012	60	4	4
2013	45	1	7
2014	40	0	5
<b>Jumlah</b>	<b>145</b>	<b>5</b>	<b>16</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak 18 kes kesalahan hutan pada tahun 2012 hingga 2015 di Daerah Larut & Matang dan Hulu Perak yang melibatkan 14 pelesen melibatkan tebangan pokok di luar kawasan lesen, di bawah had batas, pokok yang tidak bertanda, kawasan zon penampang dan pokok ibu. Adalah didapati Jabatan telah mengambil tindakan dengan mengenakan bayaran kompaun berjumlah RM80,000 dan bayaran ganti rugi di atas kesalahan tersebut sebanyak RM318,523.
- ii. Satu pelesen telah melakukan kesalahan hutan di kawasan Tanah Kerajaan Pengkalan Hulu. Pada tahun 2014, pelesen tersebut telah diluluskan lesen untuk kawasan membalaik seluas 54 hektar. Pada tahun 2015, Jabatan Perhutanan mendapati pelesen tersebut telah menebang 36 pokok balak di luar kawasan yang diluluskan. Ini mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM40,000. Kesalahan ini telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Kehutanan Negeri Perak pada tahun 2015 dan pelesen telah dikenakan bayaran ganti rugi bernilai RM40,000. Bayaran tersebut telah dijelaskan oleh pelesen tersebut pada 13 Ogos 2015.
- iii. Pihak Audit juga mendapati Tanah Kerajaan di luar sempadan kawasan lesen tersebut telah dicerobohi kerana terdapat kesan pembakaran dan longgokan kayu seperti di **Gambar 2.1. Mengikut maklum balas Jabatan pada 7 Mac 2016, satu operasi bersepadu bagi membanteras pencerobohan hutan kerajaan telah dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pengkalan Hulu (PDT) pada tahun 2015. Memandangkan kawasan yang dicerobohi adalah Tanah Kerajaan, kes pencerobohan tersebut di bawah pengawasan PDT Pengkalan Hulu.**



**Gambar 2.1  
Longgokan Kayu Di Luar Sempadan Kawasan Lesen**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Hulu, Perak  
Tarikh: 18 Februari 2016

- iv. Pihak Audit juga menyemak Laporan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bagi pengeluaran hasil hutan untuk 2 kawasan iaitu di Kompartmen 138 dan di Kompartmen 141 HSK Temenggor. Pelesen telah melakukan kesalahan hutan dengan menebang 20 pokok di luar kawasan lesen dan 4 pokok di zon penampaman alur air serta membina jalan hutan sepanjang 51 meter melepas sempadan lesen tanpa kebenaran PBN.
- v. Mengikut laporan pasukan penguatkuasaan bersepadu tersebut kelemahan yang dikenal pasti adalah tiadanya pemantauan oleh Pegawai Renjer Hutan sepanjang tempoh lesen bagi kedua-dua lesen tersebut disebabkan kekurangan kemudahan pengangkutan untuk memantau di kawasan berkenaan melalui jalan air dengan cara menyeberangi Tasik Banding. Nilai kerugian kepada Kerajaan Negeri akibat penebangan tersebut adalah berjumlah RM142,799. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya terhadap 2 fail pelesen tersebut mendapati sebanyak 79 pokok balak ditebang di luar kawasan lesen dan 4 pokok dalam kawasan zon penampaman di Hutan Simpan Temengor. Akibat daripada penebangan tersebut nilai kerugian hasil balak adalah berjumlah RM564,801 seperti di **Jadual 2.9**. Kedua-dua pelesen tersebut telah diberhentikan kerja hutan pada Februari 2015 dan seterusnya pihak Jabatan telah mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah.

**Jadual 2.9  
Kesalahan Hutan**

Bil.	Pelesen	Tempoh Lesen	HSK	Nilai Kerugian (RM)	Kesalahan Hutan
1.	Pelesen 1	1.1.2015 - 30.3.2015	Temenggor	49,329	Tebang 12 pokok di luar kawasan lesen
				94,513	Tebang 11 pokok di luar kawasan lesen
				134,946	Tebang 24 pokok di luar kawasan lesen
				232,147	Tebang 24 pokok di luar kawasan lesen
2.	Pelesen 2	1.1.2015 - 30.6.2015	Temenggor	53,866	Tebang 8 pokok di luar kawasan lesen Tebang 4 pokok dalam kawasan zon penampaman
<b>Jumlah</b>				<b>564,801</b>	

Sumber: Jabatan Perhutanan

vi. Mengikut maklum balas Jabatan pada 7 Mac 2016, Kertas Siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada 17 Mei dan 23 Disember 2015. Timbalan Pendakwa Raya JPSM memutuskan agar siasatan lanjut dijalankan. Pada tahun 2016, Jabatan Perhutanan telah diluluskan peruntukan oleh Kerajaan Negeri Perak berjumlah RM250,000 bagi perolehan sebuah *pontoon* untuk ditempatkan di Tasik Banding. Perkara ini dalam proses sebut harga. Selain itu, Jabatan juga telah menerima peruntukan untuk perolehan seperti berikut:

- Pembinaan *basecamp* di HSK Temenggor bernilai RM400,000.
- Perolehan 6 unit *drone* bernilai RM70,000.
- Perolehan 40 unit kamera perangkap bernilai RM100,000.
- Pemantauan udara menggunakan helikopter bernilai RM100,000.
- Sewaan kenderaan risikan dan pengangkutan jentera rampasan bernilai RM40,000.

vii. Pihak Audit mendapati satu kes pencerobohan kawasan hutan di Kompartmen 18, HSK Pondok Tanjung, Larut Matang seluas 20 hektar oleh sekumpulan peneroka haram yang menebang 304 pokok balak dengan anggaran kerugian berjumlah RM154,695. Lawatan Audit pada 27 Oktober 2015 mendapati saki baki pokok balak yang telah ditebang seperti di **Gambar 2.2**. Pihak Audit juga mendapati pihak Jabatan telah menanam semula anak-anak pokok balak di kawasan tersebut seperti di **Gambar 2.3**. **Mengikut maklum balas Jabatan pada 7 Mac 2016, kes berkenaan masih dalam perbicaraan di Mahkamah Seksyen Taiping, Perak.** Pihak Jabatan telah mengambil tindakan menjalankan kerja-kerja tanam semula anak pokok di kawasan yang diterokai.

**Gambar 2.2**  
Saki Baki Pokok Ditebang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: HSK Pondok Tanjung L&M  
Tarikh: 27 Oktober 2015

**Gambar 2.3**  
Anak Pokok Ditanam Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: HSK Pondok Tanjung L&M  
Tarikh: 27 Oktober 2015

**b. Laporan Bulanan Kemajuan Pengusahasilan Hutan Disediakan Tidak Konsisten**

Semakan Audit terhadap 10 fail pelesen yang beroperasi antara tahun 2012 dan 2013 di Daerah Hulu Perak mendapati laporan bulanan telah disediakan namun tidak konsisten setiap bulan. Mengikut semakan Audit laporan bulanan yang sepatutnya disediakan adalah berdasarkan tempoh sah laku lesen membalak iaitu antara 3 hingga 8 bulan bergantung pada tempoh selesai pengeluaran balak. Hasil semakan tersebut, pihak Audit mendapati bilangan laporan yang sepatutnya disediakan oleh Pegawai Renjer Hutan bagi 10 pelesen tersebut berdasarkan tempoh sah lesen dan mula beroperasinya pengeluaran balak adalah sebanyak 47 laporan bulanan. Namun, pihak Audit mendapati hanya 32 laporan sahaja yang telah disediakan. **Mengikut maklum balas Jabatan pada 7 Mac 2016, Pihak Jabatan bersetuju dengan teguran Audit tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelesen-pelesen baru.**

**Pada pendapat Audit kawalan terhadap kawasan usahasil hutan adalah memuaskan namun kualiti pemantauan kesalahan hutan hendaklah dipertingkatkan.**

**2.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan pelaksanaan pengurusan pengeluaran hasil balak adalah disyorkan agar Jabatan Perhutanan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

**2.5.1.** Mempertingkatkan aktiviti pemantauan di kawasan pembalakan dalam tempoh sah lesen bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi sepenuhnya oleh pelesen.

**2.5.2.** Memastikan Laporan Bulanan Kemajuan Pengusahasilan Hutan disediakan oleh Pegawai Renjer Hutan secara konsisten.

---

## **JABATAN KERJA RAYA DAERAH PERAK TENGAH**

### **JABATAN KERJA RAYA DAERAH KERIAN**

### **MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH**

---

### **3. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembentung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya (MARRIS) Negeri Tahun 2013, aktiviti penyenggaraan terbahagi kepada 4 kategori iaitu penyenggaraan rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan bagi memelihara fungsi asal elemen jalan.

**3.1.2.** Kajian terhadap Penyenggaraan Jalan Negeri pernah dijalankan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2012. Kajian tersebut telah dijalankan di JKR Daerah Kinta, JKR Daerah Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berdasarkan buku garis panduan penyenggaraan jalan tahun 2010. Beberapa kelemahan telah dilaporkan seperti kecacatan pembinaan jalan yang berulang, kerosakan jalan akibat pengorekan oleh pihak lain dan longkang tidak disenggara.

**3.1.3.** Berdasarkan daftar *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), panjang rangkaian jalan negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2015 di Negeri Perak adalah 28,636.07 km. Jumlah tersebut meliputi jalan negeri, jalan kampung, jalan kawasan perumahan, jalan belakang dan jalan pelancongan. Penyenggaraan jalan negeri ini dikawal selia oleh 4 agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkusa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Pihak JKR telah melantik 2 syarikat konsesi iaitu G.B Kuari Sdn. Bhd. dan Empayar Indera Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan di bawah tanggungjawabnya. Agensi Pelaksana yang lain akan melantik kontraktor masing-masing untuk menjalankan kerja penyenggaraan jalan di bawah tanggungjawab mereka. **Jadual 3.1** menunjukkan panjang jalan negeri di Perak mengikut rekod MARRIS serta peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2013 hingga 2015.

**Jadual 3.1**  
**Panjang Jalan Negeri Perak Dan Peruntukan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Panjang Jalan (km)	Peruntukan Persekutuan (RM Juta)
2013	13,338.20	306.54
2014	24,845.11	338.25
2015	28,636.07	432.31

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Perak

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan negeri yang menggunakan peruntukan MARRIS telah dilaksanakan dengan teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini ditumpukan kepada kerja penyenggaraan jalan negeri di bawah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak di JKR Daerah Perak Tengah, JKR Daerah Kerian dan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa rekod dan dokumen berkenaan kerja penyenggaraan jalan negeri bagi tahun 2013 hingga 2015. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat, edaran borang soal selidik kepada pengguna serta lawatan ke lokasi yang dipilih juga dijalankan. *Exit Conference* bersama Jurutera Daerah Kerian dan Daerah Perak Tengah, wakil Pengarah JKR Negeri serta wakil Yang Dipertua MDPT yang turut dihadiri oleh Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil Pejabat Kewangan Negeri telah diadakan pada 24 Februari 2016.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati secara keseluruhannya Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik dengan prestasi perbelanjaan keseluruhan melebihi 80%. Selain itu, prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan negeri oleh Agensi Pelaksana juga adalah tinggi iaitu melebihi 90% daripada yang dirancang kecuali kerja-kerja penyenggaraan berikut:

- Jalan dan longkang tidak disenggarakan dengan sempurna.
- Kecacatan akibat pengorekan jalan oleh pihak utiliti.

#### **3.4.1. Prestasi Penggunaan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan**

**3.4.1.1.** Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak (KWPJN) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran berkaitan kerja penyenggaraan jalan negeri. Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri adalah

berdasarkan panjang jalan yang didaftarkan. Pada tahun 2013 hingga 2015, terimaan dan perbelanjaan KWPJN adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya**  
**Tahun 2013 Sehingga 2015**

Tahun	Baki Terkumpul 1 Januari (RM Juta) (A)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta) (B)	Perbelanjaan (RM Juta) (C)	Perbelanjaan Tahun Semasa (%) (C/B)	Baki Terkumpul 31 Disember (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan Terkumpul (%) [C/(A+B)]
2013	77.56	306.54	250.53	81.7	133.57	65.2
2014	133.57	338.25	298.54	88.3	173.28	63.3
2015	173.28	432.31	401.96	93.0	203.63	66.4
<b>Jumlah</b>	<b>1,077.10</b>	<b>951.03</b>	<b>88.3</b>			

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Perak

**3.4.1.2.** **Jadual 3.2** di atas menunjukkan prestasi semasa perbelanjaan penyenggaraan untuk tahun 2013 hingga 2015 adalah baik dengan pencapaian antara 81.7% hingga 93.0%. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan keseluruhan peruntukan penyenggaraan jalan negeri untuk tempoh yang sama masih rendah iaitu 63.3% hingga 66.4%. Ini menunjukkan bukan sahaja peruntukan tahun semasa yang diterima tidak dibelanjakan sepenuhnya malah baki peruntukan tahun-tahun sebelumnya juga tidak dibelanjakan. Dengan itu, baki terkumpul KWPJN telah meningkat setiap tahun dengan baki sejumlah RM203.63 juta pada akhir tahun 2015.

**3.4.1.3.** Prestasi perbandingan 3 Agensi pelaksana yang diaudit untuk tempoh 3 tahun sehingga 2015 adalah amat baik dengan pencapaian perbelanjaan purata antara 91.7% hingga 98.2% seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Sebenar Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	JKR Daerah Perak Tengah			JKR Daerah Kerian			MDPT		
	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)
2013	6.20	6.23	100.5	6.99	6.96	99.6	3.00	2.54	84.7
2014	11.18	11.14	99.6	15.31	14.78	96.5	4.28	3.97	92.8
2015	10.50	9.72	92.6	9.59	9.46	98.6	5.00	4.88	97.6
<b>Purata Belanja (%)</b>	<b>97.6</b>				<b>98.2</b>				<b>91.7</b>

Sumber: JKR Daerah Perak Tengah, Kerian Dan MDPT

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan semasa KWPJN adalah baik. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan keseluruhan KWPJN masih rendah.

### 3.4.2. Prestasi Kerja Penyenggaraan Jalan

Prestasi sesuatu kerja penyenggaraan jalan boleh diukur sama ada secara fizikal, tempoh siap dan pematuhan kepada spesifikasi serta melalui perbandingan kos sebenar kerja dengan kos asal seperti yang ditetapkan oleh JKR. Bagi memastikan penyenggaraan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan, agensi pelaksana perlulah melaksanakan aktiviti penyenggaraan selaras dengan tanggungjawab serta perancangan yang dibuat. Semakan Audit terhadap kerja penyenggaraan jalan mendapati perkara berikut:

#### 3.4.2.1. Prestasi Perlaksanaan Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Pada tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 1,045 projek penyenggaraan jalan negeri dengan kos berjumlah RM69.68 juta dilaksanakan oleh JKR Daerah Perak Tengah, JKR Daerah Kerian dan MDPT seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Bilangan Projek Dan Kos Penyenggaraan Jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Agensi Pelaksana	Bilangan Projek Penyenggaraan			Jumlah Kerja	Kos (RM Juta)
		2013	2014	2015		
1.	JKR Daerah Perak Tengah	140	229	176	545	27.09
2.	JKR Daerah Kerian	46	61	50	157	31.20
3.	MD Perak Tengah	117	140	86	343	11.39
<b>Jumlah</b>		<b>303</b>	<b>430</b>	<b>312</b>	<b>1,045</b>	<b>69.68</b>

Sumber: JKR Daerah Perak Tengah, Kerian Dan MDPT

- b. Pihak Audit telah menyemak 76 daripada 1,045 projek penyenggaraan jalan yang merangkumi 21 projek daripada JKR Daerah Perak Tengah, 28 daripada JKR Daerah Kerian dan 27 daripada MDPT melibatkan 40 penyenggaraan berkala, 26 penyenggaraan rutin dan 10 kerja-kerja kecemasan. Sebanyak 55 projek atau 72.4% dapat disiapkan mengikut jadual/tarikh siap asal manakala hanya 21 projek atau 27.6% disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan seperti di **Jadual 3.5**. Secara keseluruhannya prestasi projek yang dapat disiapkan adalah memuaskan kerana pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang dilantik oleh 3 Agensi Pelaksana adalah mengikut spesifikasi dan tujuan yang ditetapkan.

**Jadual 3.5**  
**Prestasi Perlaksanaan Projek Penyenggaraan Jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Nama Agensi	Bil. Sampel	Siap Ikut Jadual	Peratus (%)	Siap Dalam Tempoh Lanjutan Masa	Peratus (%)
1.	JKR Daerah Perak Tengah	21	15	71.4	6	28.6
2.	JKR Daerah Kerian	28	16	57.1	12	42.9
3.	MD Perak Tengah	27	24	88.9	3	11.1
<b>Jumlah</b>		<b>76</b>	<b>55</b>	<b>72.4*</b>	<b>21</b>	<b>27.6*</b>

Sumber: JKR Daerah Perak Tengah, Kerian Dan MDPT

Nota: \* - Purata Peratusan

**3.4.2.2.** Baki 4 projek (5.3%) bernilai RM448,766 merangkumi 2 penyenggaraan rutin dan 2 penyenggaraan berkala didapati tidak dilaksanakan dengan memuaskan seperti berikut:

**a. Projek Membaikpulih Jalan Premix Di Kawasan Rancangan Perkampungan Tersusun Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak**

- i. Sebuah syarikat telah dipilih oleh MDPT untuk kerja Membaikpulih Jalan *Premix* di kawasan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak dengan kos RM66,500. Projek ini merupakan penyenggaraan berkala oleh MDPT dan telah disiapkan pada 11 Disember 2014. Lawatan Audit pada 14 September 2015 mendapati jalan *premix* sepanjang 187 meter ini telah dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, didapati longkang di kiri dan kanan jalan tersebut tidak disenggarakan kerana longkang dipenuhi dengan tumbuhan liar seperti di **Gambar 3.1**. Lawatan Audit selanjutnya pada 26 Januari 2016 pula mendapati longkang masih tidak dibersihkan seperti di **Gambar 3.2**.

**Gambar 3.1**

**Longkang Di Kiri Dan Kanan Jalan Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 14 September 2015

**Gambar 3.2**

**Longkang Di Kiri Dan Kanan Jalan Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 26 Januari 2016

- ii. Lawatan Audit juga mendapati longkang konkrit untuk laluan air ke longkang tanah telah tersumbat. Manakala longkang tanah pula tidak dibersihkan dan menyebabkan dipenuhi tumbuhan liar sehingga menghalang laluan air. Longkang konkrit yang tersumbat dan longkang tanah yang tidak dibersihkan adalah seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.6**.

**Gambar 3.3**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 14 September 2015

**Gambar 3.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 26 Januari 2016

**Gambar 3.5**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 14 September 2015

**Gambar 3.6**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 26 Januari 2016

**iii. Mengikut maklum balas Majlis Daerah Perak Tengah bertarikh 19 Februari 2016, pihak MDPT telah mengarahkan pihak konsesi untuk membuat kerja-kerja penyenggaraan berkala dan ia telah pun dilaksanakan. Selain itu, tindakan pembersihan juga telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor pada 16 Februari 2016 bersama pemilik ladang yang berhampiran.**

**b. Membaih Pulih Longkang Konkrit Di Kawasan RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak**

**i. Sebuah syarikat telah dipilih oleh MDPT untuk kerja Membaih Pulih Longkang Konkrit di kawasan RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak dengan kos RM165,800. Projek ini merupakan penyenggaraan berkala MDPT dan telah disiapkan pada 15 Mei 2015. Lawatan Audit pada 14 September 2015 mendapati longkang konkrit ini telah dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, ia tidak disenggarakan dengan baik kerana sebahagian longkang ditumbuhui rumput tebal dan dipenuhi keladak. Lawatan Audit**

selanjutnya pada 26 Januari 2016, mendapati rumput telah dipotong dan keladak di dalam longkang telah dibersihkan oleh kontraktor yang dilantik. **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.10** adalah berkaitan.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 14 September 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 26 Januari 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 14 September 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPT Batu 30, Titi Gantung, Bota, Perak  
Tarikh: 26 Januari 2016

- ii. **Mengikut maklum balas Majlis Daerah Perak Tengah bertarikh 19 Februari 2016, pihak MDPT telah mengambil tindakan pembersihan segera pada 16 Februari 2016 dan penyenggaraan berkala akan diteruskan mengikut penjadualan yang telah ditetapkan.**
- c. **Kerja-Kerja Membalik Jambatan Kayu Sungai Kinta di Laluan A046, Jalan Sungai Galah-Air Kuning Daerah Perak Tengah**
  - i. Sebuah syarikat telah dipilih oleh JKR Perak Tengah untuk Kerja-Kerja Membalik Jambatan Kayu Sungai Kinta di Laluan A046, Jalan Sungai Galah-Air Kuning Daerah Perak Tengah dengan kos RM170,966. Kerja-kerja yang terlibat adalah

mengganti dan membaiki lantai kayu yang rosak di sepanjang jambatan kayu serta memasang 2 palang konkrit setinggi 3 meter di jalan masuk dan keluar jambatan kayu tersebut. Projek ini merupakan penyenggaraan berkala oleh JKR Daerah Perak Tengah. Lawatan pertama Audit pada 21 Oktober 2015 mendapati satu daripada 3 *horizontal beam* jambatan ini telah hampir patah dan tidak selamat untuk pengguna jambatan. Ini kerana jambatan digunakan oleh lori-lori mengangkut kelapa sawit dan kenderaan berat yang melebihi 8 tan sedangkan mengikut pihak JKR, jambatan kayu ini hanya dapat menampung beban maksimum 8 tan. Selain itu, didapati palang konkrit had tinggi yang dipasang untuk menghalang kenderaan berat daripada menggunakan jambatan ini telah dirobohkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. *Horizontal beam* dan palang konkrit had tinggi yang rosak adalah seperti di **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12**.

**Gambar 3.11**  
**Horizontal Beam Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kayu, Jalan Sungai Galah-Air Kuning, Daerah Perak Tengah  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.12**  
**Palang Konkrit Had Tinggi Yang Dirobohkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kayu, Jalan Sungai Galah-Air Kuning, Daerah Perak Tengah  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- ii. Akibat daripada kerosakan yang berlaku, pihak JKR telah memasang papan tanda amaran “Awas Jambatan Ditutup Di Hadapan” bagi memaklumkan kepada pengguna bahawa jambatan tidak lagi selamat untuk digunakan seperti di **Gambar 3.13**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 21 Oktober 2015 mendapati jambatan ini masih digunakan seperti di **Gambar 3.14**.

**Gambar 3.13**  
Papan Tanda Amaran Jambatan Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kayu, Jalan Sungai Galah-Air Kuning, Daerah Perak Tengah  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.14**  
Kenderaan Sedang Melintasi Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kayu, Jalan Sungai Galah-Air Kuning, Daerah Perak Tengah  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- iii. Lawatan Audit selanjutnya pada 26 Januari 2016 mendapati kenderaan berat masih menggunakan jambatan tersebut kerana tiada sebarang tindakan diambil untuk membaiki penghalang jalan bagi menyekat kenderaan melintasi jambatan kayu seperti di **Gambar 3.15**.

**Gambar 3.15**  
Kenderaan Sedang Melintasi Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kayu, Jalan Sungai Galah-Air Kuning, Daerah Perak Tengah  
Tarikh: 26 Januari 2016



- iv. Mengikut maklum balas JKR Daerah Perak Tengah bertarikh 24 Februari 2016, tindakan menutup jambatan kepada pengguna telah diambil mulai bulan Februari 2016. Pihak JKR merancang untuk membina jambatan baru pada hujung tahun 2016 dengan menggunakan peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam Rancangan Malaysia Ke-11.
- d. Kerja-Kerja Menyenggara Sistem Saliran Bagi Mencegah Banjir Di Sepanjang Jalan Parit-Seri Iskandar

- i. Sebuah syarikat telah dipilih oleh JKR Perak Tengah untuk Kerja-Kerja Menyenggara Sistem Saliran Bagi Mencegah Banjir di Jalan Parit-Seri Iskandar sepanjang 6km dengan kos RM45,500. Projek ini merupakan penyenggaraan rutin oleh JKR Daerah Perak Tengah. Lawatan Audit pada 19 Oktober 2015 mendapati longkang di km 3.0 Jalan Parit-Seri Iskandar adalah bersih kerana disenggarakan dengan baik seperti di **Gambar 3.16** dan **Gambar 3.17**.

**Gambar 3.16**  
Longkang Yang Disenggara  
Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KM3.0 Jalan Parit-Seri Iskandar, Perak Tengah  
Tarikh: 19 Oktober 2015

**Gambar 3.17**  
Longkang Yang Disenggara  
Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KM3.0 Jalan Parit-Seri Iskandar, Perak Tengah  
Tarikh: 19 Oktober 2015

- ii. Bagaimanapun longkang di km 2.5 Jalan Parit-Seri Iskandar tidak disenggarakan dengan baik kerana dipenuhi tanah, batu dan rumput. Manakala di km 3.5 di jalan yang sama mendapati jajaran cerun runtuh mengakibatkan longkang dipenuhi tanah. Lawatan Audit selanjutnya di lokasi yang sama pada 26 Januari 2016 mendapati tiada tindakan diambil oleh pihak konsesi bagi membersihkan longkang dan cerun tersebut. Jajaran cerun perlu dibaiki segera untuk mengatasi hakisan berikutan kawasan ini adalah laluan air turun. Keadaan longkang dan jajaran cerun adalah seperti di **Gambar 3.18** hingga **Gambar 3.21**.

**Gambar 3.18**  
**Longkang Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KM2.5 Jalan Parit-Seri Iskandar,  
Perak Tengah  
Tarikh: 19 Oktober 2015

**Gambar 3.19**  
**Longkang Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KM2.5 Jalan Parit-Seri Iskandar,  
Perak Tengah  
Tarikh: 26 Januari 2016

**Gambar 3.20**  
**Jajaran Cerun Runtuh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KM 3.5 Jalan Parit-Seri Iskandar, Perak  
Tengah  
Tarikh: 19 Oktober 2015

**Gambar 3.21**  
**Jajaran Cerun Runtuh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KM 3.5 Jalan Parit-Seri Iskandar, Perak  
Tengah  
Tarikh: 26 Januari 2016

**iii. Mengikut maklum balas JKR Daerah Perak Tengah bertarikh 24 Februari 2016, mengikut syarat dalam kontrak perjanjian, kerja-kerja pembersihan atau penyenggaraan longkang hanya dilaksanakan 2 kali setahun oleh pihak konsesi. Memandangkan longkang tanah tersebut mudah ditutupi oleh tanah dalam masa yang singkat ketika musim hujan dan menghalang aliran air, pihaknya mengambil tindakan segera dengan menggunakan peralatan dan kakitangan jabatan tanpa menunggu pusingan penyenggaraan oleh pihak konsesi. Selain itu, pihaknya akan membaiki cerun runtuh berkenaan dengan membina gabion setelah mendapat peruntukan MARRIS pada tahun 2016. Namun, pemantauan keadaan cerun dilakukan oleh pihaknya dari semasa ke semasa.**

### 3.4.2.3. Kecacatan Jalan Disebabkan Kerja-Kerja Utiliti

- a. Kerja pengorekan jalan oleh pihak utiliti hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh JKR dan PBT iaitu memastikan kontraktor menurap semula jalan yang dikorek dengan sempurna. Lawatan Audit di 2 jalan kendalian Majlis Daerah Perak Tengah mendapati kerja pengorekan bagi tujuan menanam kabel elektrik dan paip air oleh pihak utiliti tidak diturap semula dengan sempurna untuk mengekalkan keadaan asal sebelum pengorekan. Kecacatan jalan akibat tidak diturap semula boleh menyebabkan kemalangan terutama kepada penunggang motosikal. Kecacatan jalan adalah seperti di **Gambar 3.22** dan **Gambar 3.23**.

**Gambar 3.22**  
Jalan Tidak Diturap Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Murni, Kampong Gajah  
Tarikh: 15 September 2015

**Gambar 3.23**  
Jalan Tidak Diturap Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan RPT Fasa 4, Seri Iskandar  
Tarikh: 14 September 2015

- b. **Mengikut maklum balas Majlis Daerah Perak Tengah bertarikh 26 Februari 2016, tindakan penurapan semula telah siap dilaksanakan pada 26 Januari 2016 dengan menggunakan peruntukan Majlis Daerah Perak Tengah dan telah memaklumkan perkara berkenaan kepada pihak utiliti terbabit.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Penyenggaraan Jalan Negeri oleh Agensi pelaksana secara keseluruhannya adalah baik dengan prestasi pelaksanaan melebihi 80% dan kerja-kerja telah dilaksanakan menepati Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya (MARRIS).

### 3.4.3. Keselesaan Dan Keselamatan Pemanduan

Mengikut Buku Panduan JKR berkaitan penyenggaraan jalan bertajuk "Senggara Jalan - Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu", objektif utama adalah untuk memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat. Untuk itu, soal selidik diedarkan kepada pengguna untuk menilai sama ada objektif tersebut tercapai. Butiran lanjut tahap kepuasan terhadap keselesaan dan keselamatan pemanduan pengguna adalah seperti berikut:

### 3.4.3.1. Kepuasan Pengguna Terhadap Keselesaan Dan Keselamatan Pemanduan

- a. Bagi tempoh bulan September hingga Disember 2015, pihak Audit telah mengedarkan 200 borang soal selidik kepada pengguna 2 jalan yang terpilih di bawah kendalian setiap Agensi Pelaksana. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas kepuasan pengguna terhadap keselesaan dan keselamatan pemanduan di jalan negeri. Jalan-jalan yang dipilih seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
Jalan Kendalian 3 Agensi Pelaksana

Bil.	Agensi Pelaksana	Nama Jalan	Panjang Jalan (km)
1.	JKR Daerah Perak Tengah	Jalan Parit-Seri Iskandar Jalan Bota Kiri, Teluk Sena	14.8 16.4
2.	JKR Daerah Kerian	Jalan Abdul Raof Jalan Taiping	0.5 4.0
3.	Majlis Daerah Perak Tengah	Jalan Kuarters Kerajaan, Seri Iskandar Jalan Keliling Dalam Taman Farmasi	1.8 4.1

Sumber: JKR Daerah Perak Tengah, Kerian Dan MDPT


- b. Daripada 200 borang soal selidik yang diedarkan kepada pengguna jalan negeri yang terpilih di 2 jalan kendalian setiap Agensi Pelaksana iaitu JKR Daerah Perak Tengah, JKR Daerah Kerian dan MDPT masing-masing mendapat maklum balas daripada responden seperti di **Jadual 3.7** dan **Carta 3.1**.

**Jadual 3.7**  
Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap  
Keselesaan Dan Keselamatan Pemanduan Di Jalan Negeri

Bil.	Agensi Pelaksana	Bilangan Responden	Aspek Keselesaan				Aspek Keselamatan			
			Ya	(%)	Tidak	(%)	Ya	(%)	Tidak	(%)
1.	JKR Perak Tengah	177	142	80.2	35	19.8	144	81.4	33	18.6
2.	JKR Kerian	165	119	72.1	46	27.9	115	69.7	50	30.3
3.	MDPT	171	134	78.4	37	21.6	133	77.8	38	22.2

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Carta 3.1**  
Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap  
Keselesaan Dan Keselamatan Pemanduan Di Jalan Negeri



Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. **Carta 3.1** menunjukkan 69.7% hingga 81.4% responden berpuas hati dengan aspek keselesaan dan keselamatan jalan raya yang disenggara oleh Agensi Pelaksana manakala 18.6% hingga 30.3% tidak berpuas hati. Secara amnya, daripada maklum balas tersebut menunjukkan tahap kepuasan pengguna jalan raya di Daerah Perak Tengah dan Kerian adalah memuaskan berdasarkan peratusan pengguna yang berpuas hati adalah lebih tinggi berbanding dengan pengguna yang tidak berpuas hati. Bagaimanapun pengguna jalan raya di Jalan Abdul Raof dan Jalan Taiping Bandar Parit Buntar tidak berpuas hati daripada aspek keselesaan dan keselamatan kerana sering berlaku kesesakan terutama di waktu puncak dan tidak ada pembahagi jalan seperti di **Gambar 3.24** dan **Gambar 3.25**.

**Gambar 3.24**

Jalan Abdul Raof, Parit Buntar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Abdul Raof, Parit Buntar  
Tarikh: 15 Disember 2015

**Gambar 3.25**

Jalan Taiping, Parit Buntar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Taiping, Parit Buntar  
Tarikh: 15 Disember 2015

- d. **Mengikut maklum balas JKR Daerah Kerian bertarikh 5 Februari 2016, pihak JKR Daerah Kerian telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya di Jalan Abdul Raof dan Jalan Taiping.** Jalan-jalan ini merentasi Bandar Parit Buntar dan ia menghubungkan 2 negeri iaitu Negeri Kedah dan Pulau Pinang. Kesesakan tidak dapat dielakkan memandangkan jalan ini mempunyai persimpangan lampu isyarat yang banyak dan kesesakan lebih ketara semasa waktu puncak. Kerja yang dilakukan adalah seperti membaik pulih persimpangan dan struktur jalan untuk meningkatkan kapasiti (*level of service*) serta menaik aras jalan untuk mengelak jalan ditenggelami air. Selain itu, tahap keselamatan pengguna jalan raya di jalan ini sentiasa diawasi terhadap sebarang kerosakan jalan terutamanya *pothole* yang akan dibaiki dalam tempoh 24 jam.

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan penyenggaraan jalan negeri, adalah disyorkan JKR Daerah Perak Tengah, JKR Daerah Kerian dan Majlis Daerah Perak Tengah mengambil langkah berikut:

**3.5.1.** Memantau dan memastikan pihak konsesi dan kontraktor yang dilantik melaksanakan penyenggaraan secara rutin dan berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan dalam perjanjian.

**3.5.2.** Menyelaras dan memantau kerja-kerja pengorekan jalan oleh pihak utiliti bagi mengelakkan kerja-kerja pengorekan jalan tidak dibuat tanpa kelulusan termasuk memastikan jalan-jalan yang dikorek dibaiki semula dengan baik bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

---

## MAJLIS DAERAH KERIAN MAJLIS DAERAH GERIK

---

### 4. PENGURUSAN PEROLEHAN

#### 4.1. LATAR BELAKANG

**4.1.1.** Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Majlis Daerah Gerik (MDG) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tanggungjawab MDK dan MDG ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Jabatan Perbendaharaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Majlis dilakukan dengan teratur tertakluk kepada aspek akauntabiliti, integriti dan ekonomi manakala Jabatan Kejuruteraan Majlis pula adalah bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelenggaraan projek-projek pembangunan.

**4.1.2.** Perolehan yang dilaksanakan di MDK dan MDG adalah secara pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender. Sumber peruntukan kedua-dua Majlis bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM8.73 juta dan RM7.28 juta, Kerajaan Negeri sejumlah RM721,042 bagi MDK dan RM637,265 bagi MDG. Manakala peruntukan Majlis sendiri bagi MDK dan MDG masing-masing berjumlah RM58.37 juta dan RM15.29 juta bagi tempoh yang sama. Dari segi perolehan pula, bagi tahun 2013 hingga 2015, MDK telah membuat 1,474 perolehan bernilai RM17.11 juta dan MDG telah membuat 1,496 perolehan bernilai RM21.05 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kaedah Perolehan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Majlis	Tahun	Kaedah Perolehan								Jumlah	
			Pembelian Terus		Lantikan Terus		Sebut Harga		Tender			
			(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
1.	MDK	2013	330	1.43	9	0.09	32	3.19	-	-	371	4.71
		2014	363	0.81	182	2.78	34	3.61	1	0.90	580	8.10
		2015	326	0.80	158	2.47	39	1.03	-	-	523	4.30
<b>Jumlah</b>			<b>1,019</b>	<b>3.04</b>	<b>349</b>	<b>5.34</b>	<b>105</b>	<b>7.83</b>	<b>1</b>	<b>0.90</b>	<b>1,474</b>	<b>17.11</b>
2.	MDG	2013	457	3.48	20	0.40	12	0.99	1	2.24	490	7.11
		2014	485	3.54	23	0.41	14	1.66	-	-	522	5.61
		2015	467	3.50	9	0.15	6	0.91	2	3.77	484	8.33
<b>Jumlah</b>			<b>1,409</b>	<b>10.52</b>	<b>52</b>	<b>0.96</b>	<b>32</b>	<b>3.56</b>	<b>3</b>	<b>6.01</b>	<b>1,496</b>	<b>21.05</b>

Sumber: Majlis Daerah Kerian Dan Majlis Daerah Gerik

## **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan oleh MDK dan MDG telah dirancang, dilaksanakan dengan berkesan, mencapai matlamatnya dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan tahun 2013 hingga 2015 di MDK dan MDG yang dibiayai daripada peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan Majlis. Pemilihan sampel pengauditan adalah sekurang-kurangnya 10% daripada setiap jenis perolehan di kedua-dua Majlis. Lawatan Audit ke lokasi projek terpilih dan temu bual juga telah dijalankan semasa pengauditan. *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MDK dan Yang DiPertua MDG telah diadakan pada 2 Mac 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, wakil Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan wakil Pejabat Kewangan Negeri.

## **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan oleh MDK dan MDG adalah memuaskan dari segi proses perolehan telah dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Namun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Ketidakpatuhan kepada peraturan bayaran seperti Arahan Perubahan Kerja tidak disahkan oleh Pegawai Inden, Pesanan Tempatan lewat dikeluarkan, bekalan lewat dibekalkan dan dokumen sokongan tidak dicap '**TELAH BAYAR**'.
- Di MDK, pelaksanaan kerja tidak menepati skop, spesifikasi kerja tidak terperinci dan Sijil Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan.

### **4.4.1. Tatacara Perolehan**

#### **4.4.1.1. Perolehan Secara Pembelian Terus**

Semakan Audit terhadap perolehan secara pembelian terus di MDK dan MDG masing-masing berjumlah RM485,927 dan RM226,618 bagi 277 dan 176 perolehan mendapati perolehan secara pembelian terus adalah teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam tatacara perolehan kecuali perkara seperti berikut:

**a. Pesanan Tempatan Lewat Dikeluarkan**

- i. Di MDG, sebanyak 13 (8.5%) daripada 153 Pesanan Tempatan berjumlah RM17,352 dikeluarkan selepas bekalan diterima dengan kelewatan antara 7 hingga 48 hari. Perkara ini menyebabkan obligasi/tanggungan tidak diambil kira dalam Buku Vot pada masa pesanan dibuat dan boleh memberi risiko kepada pembayaran melebihi peruntukan dan pembelian tanpa kelulusan. Manakala di MDK, pengeluaran Pesanan Tempatan telah dibuat sebelum perolehan dibuat.
- ii. **Mengikut maklum balas MDG bertarikh 25 Februari 2016, kelewatan pengeluaran Pesanan Tempatan disebabkan keperluan segera menyebabkan Jabatan berkenaan telah mengambil barang/bekalan serta invois terlebih dahulu serta menyimpannya dalam tempoh yang lama sebelum diserahkan kepada Jabatan Perbendaharaan untuk pengeluaran Pesanan Tempatan. Pemakluman kepada semua Ketua Jabatan untuk mematuhi tatacara pembelian yang betul telah dibuat pada 18 Februari 2016 dalam Mesyuarat Ketua Jabatan MDG agar perkara ini tidak berulang lagi.**

**b. Bekalan Lewat Dibekalkan**

- i. Di MDK, 30 (10.8%) perolehan berjumlah RM32,657 dan 29 (16.5%) perolehan berjumlah RM41,391 di MDG tidak dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan perolehan diterima adalah antara 4 hingga 35 hari di MDK dan 8 hingga 63 hari di MDG. Hal ini berlaku disebabkan pegawai bertanggungjawab tidak membuat susulan terhadap pembekalan yang tidak diterima pada tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pembayaran hanya dilakukan selepas bekalan diterima.
- ii. **Mengikut maklum balas MDK bertarikh 3 Mac 2016, pihak MDK telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat peringatan kepada pembekal terlibat agar perkara ini tidak lagi berulang. Surat Arahan bertarikh 4 Januari 2016 telah dikeluarkan kepada semua Ketua Jabatan supaya dapat memastikan bekalan diterima dalam tempoh yang ditetapkan.**
- iii. **Mengikut maklum balas MDG bertarikh 25 Februari 2016, antara punca kelewatan pembekalan adalah kerana bekalan stok diambil secara berperingkat. Pihak Majlis telah mengemukakan perkara ini dalam Mesyuarat Pengurusan Ketua Jabatan pada 18 Februari 2016 untuk makluman semua Jabatan di MDG agar memenuhi tatacara pembelian terus supaya perkara ini tidak berulang lagi. Selain itu, Borang Permohonan Pembelian telah digunakan sebelum Pesanan Tempatan dikeluarkan dan tempoh pembekalan yang munasabah ditetapkan oleh Ketua Jabatan.**

**c. Dokumen Sokongan Tiada Cap ‘TELAH BAYAR’**

- i. Pegawai Penyelia hendaklah memastikan semua baucar bayaran dan dokumen sokongan yang telah dibuat pembayaran ditebuk atau dicap ‘**TELAH BAYAR**’ supaya dokumen tersebut tidak digunakan semula untuk tujuan pembayaran. Semakan Audit mendapati semua dokumen sokongan yang disemak di MDG telah dicap ‘**TELAH BAYAR**’ manakala sebanyak 90 (32.5%) dokumen sokongan berjumlah RM119,981 di MDK tidak dicap ‘**TELAH BAYAR**’.
- ii. **Mengikut maklum balas MDK bertarikh 3 Mac 2016, pihak MDK telah mengambil langkah untuk mengecap ‘TELAH BAYAR’ pada dokumen sokongan yang berkenaan. Mulai tahun 2016, pihak MDK telah mengambil inisiatif menjalankan pemeriksaan berkala terhadap dokumen sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 bulan bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi.**

**4.4.1.2. Perolehan Secara Lantikan Terus**

Kandungan 6 PK 2 Tahun 2013, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia menetapkan kaedah lantikan terus hanya ditetapkan bagi perolehan kerja. Kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB). Semakan Audit terhadap 69 perolehan secara lantikan terus berjumlah RM1.28 juta di MDK dan 9 perolehan secara lantikan terus di MDG berjumlah RM179,988 mendapati perolehan secara lantikan terus adalah teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam tatacara perolehan.

**4.4.1.3. Perolehan Secara Sebut Harga**

Kandungan 7 PK 2 Tahun 2013, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia antaranya menyatakan perolehan bekalan yang melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 dan perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Semakan Audit terhadap perolehan secara sebut harga di MDK dan MDG masing-masing berjumlah RM3.81 juta dan RM1.03 juta bagi 22 dan 4 perolehan mendapati perolehan secara sebut harga adalah teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan kecuali perolehan berikut:

**a. Menaiktaraf Dewan Seri Kerian, Parit Buntar – Kerja Pembinaan Bumbung Tambahan Di Kanan & Kiri Dewan, MDK**

Projek ini telah menerima peruntukan sejumlah RM177,887 daripada KPKT. Projek ini telah disiapkan pada 3 Mei 2013. Hasil semakan Audit mendapati antara kerja yang dicatatkan dalam skop kerja adalah pembinaan tiang berukuran 4”x4” berserta

asas tapak sebanyak 56 unit di kiri dan kanan kawasan tepi dewan dengan harga RM200 seunit dengan kos keseluruhan berjumlah RM11,200. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit bersama pegawai MDK pada 5 Oktober 2015 mendapati pembinaan tiang dan asas tapak hanyalah sebanyak 28 unit di kiri dan kanan kawasan tepi dewan. Pihak MDK memaklumkan bahawa terdapat perubahan kerja dilakukan di mana baki 28 unit tiang dan asas tapak yang tidak dibina telah digantikan dengan pemasangan tambahan 16 unit kekuda yang berukuran 24'x90' tanpa melibatkan sebarang pertambahan kos. Semakan Audit selanjutnya mendapati Arahan Perubahan Kerja bagi projek ini telah disediakan pada 15 April 2013 tetapi arahan tersebut tidak diluluskan oleh Pegawai Inden. Kerja berkaitan adalah seperti di **Gambar 4.1**.



**Gambar 4.1**  
**Kekuda Tambahan Yang Telah Dipasang**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dewan Seri Kerian  
Tarikh: 13 Oktober 2015

**b. Membina Bumbung Tambahan Peniaga Luar Di Pasar Awam Parit Buntar, MDK**

Projek ini telah menerima peruntukan daripada KPKT sejumlah RM311,411. Tarikh milik tapak pada 6 November 2013 dengan tarikh sepatut siap pada 23 Disember 2013. Kerja telah disiapkan pada 31 Disember 2013 dengan sekali lanjutan masa. Semakan Audit mendapati antara spesifikasi kerja yang ditetapkan adalah membina dan memasang kekuda sebanyak 36 unit dengan harga RM1,000 seunit yang berjumlah RM36,000. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 6 Oktober 2015 bersama pegawai MDK mendapati pembinaan kekuda adalah sebanyak 18 unit sahaja berbanding 36 unit yang sepatutnya. Menurut penjelasan Penolong Jurutera MDK, baki 18 unit kekuda digantikan dengan kerja-kerja pembinaan 25 unit tiang, 22 unit *beam* keluli berukuran 3x6x5mm dan penghadang hujan yang berkeluasan 45.8 kaki persegi. Bagaimanapun, perubahan kerja tersebut tidak melibatkan tambahan kos. Semakan Audit selanjutnya mendapati Arahan Perubahan Kerja bertarikh 26 November 2013 tidak diluluskan oleh Pegawai Inden.

**c. Mengikut maklum balas MDK bertarikh 3 Mac 2016, pihak MDK mengambil perhatian berhubung perkara ini. Pihak MDK telah memastikan perkara ini diambil tindakan dan perhatian untuk projek-projek terkini. Tindakan pembetulan ini bermula pada projek yang pertama iaitu pada 22 September 2015 iaitu Projek Menaiktaraf Longkang di Jalan Merbau Setia Jaya Parit**

**Buntar. Arahan perubahan kerja ini tidak melibatkan sebarang kos tambahan ke atas projek dan Yang Dipertua MDK maklum dan bersetuju dengan perubahan kerja ini tetapi tidak dibuat secara bertulis.**

#### 4.4.1.4. Perolehan Secara Tender

Kandungan 8 PK 2 Tahun 2013, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia antaranya menetapkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender terbuka. Pada tahun 2013 sehingga 2015, sebanyak satu perolehan berjumlah RM897,004 dilaksanakan secara tender di MDK manakala sebanyak 3 perolehan dilaksanakan secara tender di MDG melibatkan perolehan berjumlah RM6.01 juta. Semakan Audit terhadap perolehan secara tender di MDK dan MDG mendapati kesemua perolehan secara tender telah mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tatacara perolehan di MDK dan MDG adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi Pesanan Tempatan lewat dikeluarkan dan bekalan lewat dibekalkan, dokumen sokongan tiada cap ‘TELAH BAYAR’ dan Arahan Perubahan Kerja tidak disahkan oleh Pegawai Inden.**

#### 4.4.2. Pelaksanaan Perolehan Kerja

##### 4.4.2.1. Sijil Perakuan Siap Kerja Tidak Dikeluarkan

- a. Semakan Audit terhadap 14 perolehan kerja MDG mendapati kesemua kerja siap telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja manakala di MDK sebanyak 64 (71.1%) daripada 90 perolehan kerja tidak dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja. Butiran lanjut mengenai projek yang terlibat adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2  
Sijil Perakuan Siap Kerja Tidak Dikeluarkan**

Majlis	Jenis Perolehan	Sampel Audit		Sijil Perakuan Siap Kerja Tidak Dikeluarkan	
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
MDK	Lantikan Terus	69	1.28	58	1.07
	Sebut Harga	20	3.46	6	1.13
	Tender	1	0.90	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>90</b>	<b>5.64</b>	<b>64</b>	<b>2.20</b>
MDG	Lantikan Terus	9	0.18	-	-
	Sebut Harga	4	1.03	-	-
	Tender	1	3.11	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	<b>4.32</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Sumber: Majlis Daerah Kerian Dan Majlis Daerah Gerik

- b. Mengikut maklum balas MDK bertarikh 3 Mac 2016, pihak MDK mengambil perhatian berhubung perkara ini. Untuk makluman, pihak MDK hanya mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja untuk lantikan terus dan sebut harga untuk peruntukan Persekutuan sahaja. Ini berlaku kerana mengikut amalan kebiasaan PBT dan keperluan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja kurang ditekankan. Untuk makluman, surat arahan berkenaan keperluan pengesahan Sijil Perakuan Siap Kerja untuk semua projek telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan pada 4 Januari 2016. Selain itu, penambahbaikan pada Senarai Semak Menyediakan Baucar Bayaran telah dilakukan dengan tambahan dokumen semakan Sijil Perakuan Siap Kerja untuk memastikan sijil ini ada disediakan.

#### **4.4.2.2. Tempoh Tanggungan Insurans Tidak Mencukupi**

- a. Semakan Audit di MDG mendapati tempoh tanggungan insurans dipatuhi di mana tempoh tanggungan insurans merangkumi tempoh siap kerja dan tempoh tanggungan kecacatan. Manakala di MDK, tempoh tanggungan insurans bagi 7 perolehan kerja tidak merangkumi sehingga tempoh siap kerja dan tempoh tanggungan kecacatan. Hal ini berlaku disebabkan kontraktor telah diluluskan permohonan untuk lanjutan masa namun kontraktor tidak menambah tempoh caruman insurans sekurang-kurangnya mengikut tempoh akhir lanjut kerja. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3  
Tempoh Tanggungan Insurans Tidak Mencukupi Di Majlis Daerah Kerian**

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh Siap Kerja Sebenar (Merujuk Sijil Siap Kerja)	Tempoh Caruman Insurans Merujuk Jadual Polisi Risiko	Jangka Masa Tiada Caruman Insurans
1.	Menaiktaraf Dewan Seri Kerian Parit Buntar	177,887	18.5.2013	18.3.2013 hingga 3.5.2013	4.5.2013 hingga 18.5.2013
2.	Menaiktaraf Dewan Serbaguna Bagan Serai	177,365	17.5.2013	18.3.2013 hingga 2.5.2013	3.5.2013 hingga 17.5.2013
3.	Menaiktaraf Longkang Di Taman Kerian Tambahan Parit Buntar	441,541	29.10.2014	1.8.2014 hingga 29.9.2014	30.9.2014 hingga 29.10.2014
4.	Pemulihan Keretakan lantai Di Jabatan Perpendaharaan (Lama)	407,027	30.11.2013	12.9.2013 hingga 11.11.2013	12.11.2013 hingga 30.11.2013
5.	Membina Bumbung Tambahan Peniaga Luar Pasar Awam Parit Buntar	311,411	31.12.2013	6.11.2013 hingga 23.12.2013	24.12.2013 hingga 31.12.2013
6.	Membina Baru Rumah 3 Bilik Di 303 A Sg. Labu, Tanjung Piandang	39,947	15.7.2015	5.5.2015 hingga 24.6.2015	25.6.2015 hingga 15.7.2015
7.	Membina Baru Rumah 3 Bilik Di F95 Kg. Kedah Parit Buntar	39,837	15.7.2015	5.5.2015 hingga 24.6.2015	25.6.2015 hingga 15.7.2015

Sumber: Majlis Daerah Kerian

- b. Mengikut maklum balas MDK bertarikh 3 Mac 2016, pihak MDK mengambil perhatian berhubung perkara ini. Pihak MDK ada mengambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor melanjutkan caruman tempoh insurans sekiranya ada lanjut masa diluluskan. Pihak MDK telah mengambil inisiatif penambahbaikan Borang Semakan sedia ada dengan tambahan dokumen semakan tempoh insurans untuk memastikan tempoh tanggungan insurans mencukupi. Pihak MDK juga telah mengambil tindakan dengan menambah klausa ‘pihak tuan dikehendaki melanjutkan tempoh insurans mengikut seperti mana kelulusan tempoh lanjut masa yang diberikan’ di dalam Surat Kerja Lanjut Masa bermula 11 Disember 2015 iaitu untuk Projek Cadangan Membina Bangunan Pusat Komuniti Bandar di Taman Serai Jaya, Bagan Serai.

Pada pendapat Audit, prestasi perlaksanaan projek adalah memuaskan di MDK dan MDG. Bagaimanapun, penambahbaikan perlu dilakukan terhadap pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja dan tempoh perlindungan insurans.

#### 4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mendapat *value for money*, Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Majlis Daerah Gerik (MDG) hendaklah memastikan setiap perolehan yang dibuat sentiasa mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan.



---

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI

NEGERI

---



---

## **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

---

### **5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

#### **5.1. PENDAHULUAN**

**5.1.1.** Seksyen 15(A), Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**5.1.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

#### **5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

Pada tahun 2015 beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah mengeluarkan pekeliling-pekeliling seperti berikut:

**5.2.1.** Surat Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2015 berkenaan Garis Panduan dan Peraturan Mengenai Penutupan Akaun Bagi Tahun Kewangan 2015 berkuat kuasa pada 26 Oktober 2015. Pekeliling ini bertujuan bagi memaklumkan garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi bagi melicinkan proses penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun kewangan 2015.

**5.2.2.** Pekeliling Kewangan Bil. 1 Tahun 2015 Pengurusan Perbelanjaan Tahun 2015 berkuat kuasa 2 Januari 2015. Pekeliling ini bertujuan memberi garis panduan kepada semua Pegawai Pengawal bagi menguruskan perbelanjaan bagi tahun 2015 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 15A(1) Akta Acara Kewangan 1957. Manakala Pekeliling Kewangan Bil. 3 Tahun 2015 berkenaan Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2016 berkuat kuasa 30 Mac 2015 bertujuan untuk memberi

panduan bagi penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, Pembangunan Dan Anggaran Hasil tahun 2016. Di samping itu, Kerajaan Negeri menerima pakai 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang berkuat kuasa mulai 20 Ogos 2014. Pekeliling ini merangkumi 7 bidang pengurusan kewangan utama iaitu Pengurusan Belanjawan, Perolehan Kerajaan, Pengurusan Wang Awam, Pengurusan Aset, Pengurusan Kewangan Strategik, Pelaburan Strategik dan Pinjaman Perumahan.

### 5.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

**5.3.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

**5.3.2.** Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 5.1** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.1**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 5.2**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	   
70 – 89.9	Baik	  
50 – 69.9	Memuaskan	 
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 5.4.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 5.4.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.
- 5.4.3.** Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.4.4.** Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun kewangan 2015, pengauditan telah dijalankan di 18 Jabatan/Agensi Negeri yang mana 2 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dijalankan pengauditan setiap tahun manakala 16 Jabatan/Agensi Negeri yang lain adalah berdasarkan pusingan 3 tahun sekali. Pengauditan ini telah dijalankan mulai bulan Oktober 2015 hingga Februari 2016 dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan 7 Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Agensi Negeri secara menyeluruh. *Exit Conference* bersama dengan semua 18 Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah diadakan dan turut dihadiri oleh Ketua/wakil Unit Audit Dalam SUK. Jabatan/Agensi yang diaudit berdasarkan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Jabatan/Agenzi Negeri Yang Diaudit Bagi Tahun 2015**

Bil.	Jabatan/Agenzi
<b>Jabatan</b>	
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	Jabatan Pertanian
3.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa
4.	Jabatan Mufti
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pengkalan Hulu
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Teluk Intan
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Selama
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
11.	Majlis Bandaraya Ipoh
12.	Majlis Perbandaran Manjung
13.	Majlis Perbandaran Teluk Intan
14.	Majlis Daerah Perak Tengah
15.	Majlis Daerah Kampar
<b>Badan Berkanun Negeri</b>	
16.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
17.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
18.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 18 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Penilaian bagi Agensi Negeri dibuat bagi 8 elemen iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

### 5.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesaan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### 5.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

#### **5.6.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses kerja kewangan seperti yang dicatatkan di Manual Prosedur Kerja hendaklah disediakan dengan lengkap, kemas kini seperti Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dan Bil.1 Tahun 2002 serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007.
- b. Senarai tugas bagi setiap pegawai hendaklah disediakan dengan kemas kini seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dan Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007.
- c. Pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 hendaklah dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam dan di rekod dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut mengikut AP 309 hendaklah dijalankan oleh Ketua Jabatan sahaja secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

### **5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

#### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2009 menetapkan Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **b. Unit Audit Dalam**

1PP Tadbir Urus Kewangan (PS) 3.1 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

### **5.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap

seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

### **5.6.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

#### **5.6.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2015 mengenai Pengurusan Perbelanjaan Tahun 2015. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1 Tahun 2015 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil kepada PTJ di bawah bidang kuasa masing-masing dengan segera terutamanya melibatkan emolumen. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **5.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan

kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **5.6.2.4. Analisis Bajet**

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 ada berkaitan.

### **5.6.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kawalan terimaan, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **5.6.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, ciri-ciri keselamatan semasa kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan perakuan penerimaan wang.

#### **5.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **5.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **5.6.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **5.6.4. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

##### **5.6.4.1. Perancangan Perolehan**

Mengikut 1PP Perolehan Kerajaan (PK) 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **5.6.4.2. Kaedah Perolehan**

Mengikut 1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan

keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

#### **5.6.5. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

##### **5.6.5.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agenzi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

##### **5.6.5.2. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

#### **5.6.6. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **5.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9,Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP Pengurusan Wang Awam (WP) 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agenzi Negeri daripada segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

### **5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 3.2.

### **5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

## **5.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan berhubung dengan perkara-perkara berikut:

### **5.6.7.1. Kawalan Umum**

Mengikut 1PP Pengurusan Aset (AM) 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

### **5.6.7.2. Penerimaan**

Mengikut 1PP AM 2.2, dan AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati

spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

#### **5.6.7.3. Pendaftaran**

Mengikut 1PP AM 2.3, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

#### **5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut dipatuhi:

- a. Mengikut 1PP AM 2.4, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, menetapkan aset dan item stor diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset dan item stor hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset dan item stor perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 ada berkaitan.

#### **5.6.7.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan adalah berkaitan.
- b. Mengikut 1PP Para 4.5 AM 2.5, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

#### **5.6.7.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

### **5.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

### **5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP Pengurusan Wang Awam (WP) 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

#### **5.6.8.1. Penggunaan Kenderaan Kerajaan**

- a. Mengikut 1PP WP 4.1, Pengurusan Kenderaan Kerajaan menetapkan peraturan pengurusan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri digabungkan dalam satu pekeliling untuk memudahkan rujukan. Selain itu, beberapa peraturan dikemas kini dan ditambah baik bagi memastikan Pengurusan Kenderaan Kerajaan dilaksanakan dengan berkesan dan teratur.
- b. Mengikut 1PP Para 7.2 WP 4.1, Pengurusan Kenderaan Kerajaan pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- c. Selaras dengan kehendak 1PP Para 9.1 WP 4.1, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- d. Mengikut 1PP Para 10 WP 4.1, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **5.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

**5.6.9.1.** Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

**5.6.9.2.** Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

#### **5.6.10. Pengesahan Penyata Kewangan**

Surat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bertarikh 19 Februari 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat daripada 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.


### **5.7. PENEMUAN AUDIT**

#### **5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

Merujuk kepada Pekeliling Ketua Audit Negara Bil.1 Tahun 2016, setara dengan penarafan agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan tahap penarafan cemerlang Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti daripada 4 bintang kepada 5 bintang. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 18 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 5.1**, di mana 11 Jabatan/Agensi telah mendapat

penarafan tahap cemerlang, 2 Jabatan/Agensi pada tahap baik dan 5 Jabatan/Agensi pada tahap memuaskan. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap kurang memuaskan iaitu 2 Bintang atau tahap tidak memuaskan iaitu 1 Bintang. Bilangan Jabatan/Agensi yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 11 Jabatan/Agensi berbanding 13 Jabatan/Agensi pada tahun 2014.

**Carta 5.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015**




Sumber: Jabatan Audit Negara

### 5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

#### 5.7.2.1. Jabatan Negeri

Tahap pematuhan pengurusan kewangan bagi 10 Jabatan mengikut kawalan utama adalah seperti di **Carta 5.2**. Manakala analisis terhadap tahap pematuhan ini dijelaskan dalam perenggan berikut:

**Carta 5.2**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama**  
**Bagi 10 Jabatan Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Jabatan tidak berkaitan bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit

- Bagi Kawalan Pengurusan, 6 Jabatan mencatat tahap cemerlang, satu Jabatan tahap baik, satu Jabatan tahap memuaskan dan 2 Jabatan tahap kurang memuaskan.
- Kesemua 10 Jabatan mencapai tahap cemerlang bagi Kawalan Bajet.
- Dari segi kawalan perbelanjaan, 8 jabatan mencatat tahap cemerlang dan 2 Jabatan mencapai tahap baik.
- Bagi Kawalan Perolehan, 4 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, 2 Jabatan tahap baik, satu Jabatan tahap memuaskan, satu kurang memuaskan dan 2 Jabatan tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan di 3 Jabatan yang mendapat tahap kurang memuaskan adalah seperti berikut:
  - Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan, penilaian dan keputusan sebut harga tidak ditandatangani oleh Pengurus dan Ahli Jawatankuasa, keputusan sebut harga tidak disediakan serta *Integrity Pact* tidak dilaksanakan.
  - Daftar/rekod pembayaran kontrak tidak diselenggarakan untuk memantau bayaran, kontrak ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberikan kuasa, klausa pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak, kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima dan tiada


tindakan diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak.

- e. Bagi Kawalan Terimaan, 6 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan 4 Jabatan tahap baik.
- f. Dari segi Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 6 Jabatan berada pada tahap cemerlang, 2 Jabatan tahap baik, satu Jabatan kurang memuaskan manakala satu Jabatan tidak berkenaan.
- g. Bagi Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor, 10 Jabatan yang disemak mendapat tiada yang memperoleh tahap cemerlang. Satu Jabatan berada pada tahap baik, 3 jabatan pada tahap memuaskan dan 6 Jabatan tidak memuaskan. Antara kelemahan Jabatan yang mendapat tahap tidak memuaskan ialah:
  - i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak membincangkan agenda yang ditetapkan.
  - ii. Pegawai Penerima tidak dilantik untuk menerima dan mengesahkan aset dan barang-barang stor yang diterima.
  - iii. Harta modal dan aset bernilai rendah yang dibeli tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu.
  - iv. Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
  - v. Harta Modal tidak dilabel dengan Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.
  - vi. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA 13) dan daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA 14) tidak diselenggarakan.
- h. Tiga Jabatan memperoleh tahap cemerlang, satu Jabatan tahap baik, 3 Jabatan tahap memuaskan, satu di tahap kurang memuaskan dan 2 Jabatan tahap tidak memuaskan bagi Kawalan Pengurusan Kenderaan.

#### **5.7.2.2. Agensi Negeri**

- a. Bagi 8 Agensi pula, didapati Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perbelanjaan, Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan adalah pada tahap cemerlang manakala aspek Pengurusan Aset Dan Stor bagi satu Agensi berada pada tahap kurang memuaskan seperti di **Carta 5.3**.

**Carta 5.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama Bagi 8 Agensi Negeri Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Dua agensi tidak berkaitan bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

- b. Analisis terhadap tahap pematuhan kawalan utama pengurusan kewangan di 8 Agensi adalah seperti berikut:
- Dari segi Kawalan Pengurusan, 5 Agensi mencapai tahap cemerlang dan 3 Agensi tahap baik.
  - Bagi Kawalan Bajet, kesemua 8 Agensi mencapai tahap cemerlang.
  - Bagi Kawalan Terimaan pula, kesemua 8 Agensi mencapai tahap cemerlang.
  - Dari segi Kawalan Perbelanjaan, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang, 2 Agensi tahap baik dan 2 Agensi tahap memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap memuaskan ialah:
    - Daftar Kontrak tidak diselenggarakan. Rekod pembayaran kontrak untuk memantau bayaran juga tidak diselenggarakan.
    - Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima.
  - Bagi Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang, 3 Agensi tahap baik dan satu Agensi memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap memuaskan ialah:

- Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan tidak diwartakan.
  - Deposit yang tidak dituntut 3 bulan selepas diwartakan tidak dihantar kepada Akauntan Negara mengikut Akta Wang Tidak dituntut.
- vi. Dari segi Pengurusan Aset Dan Stor, 2 Agensi mendapat tahap cemerlang, 4 Agensi di tahap baik, satu Agensi di tahap memuaskan dan satu Agensi pada tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti di satu Agensi tersebut ialah:
- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) bermesyuarat tidak membincangkan agenda yang ditetapkan.
  - Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.
  - Buku log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
  - Analisa kadar penggunaan bahan api bulanan tidak dibuat.
  - Kad Inden dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit disimpan oleh pemandu yang sepatutnya Pegawai Kenderaan.
- vii. Bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 5 Agensi memperoleh tahap cemerlang dan satu Agensi tahap baik manakala 2 Agensi tidak berkaitan.
- viii. Dalam aspek Pengurusan Penyata Kewangan, kesemua 8 Agensi mencapai tahap cemerlang dan mendapat Sijil Bersih.


### **5.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**

**5.7.3.1.** Pada tahun 2015, 18 Jabatan/Agensi Negeri telah dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tempoh 2007 hingga 2015. Analisis Audit terhadap 2 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 4 kali atau lebih bagi tempoh 2007 hingga 2015, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan yang baik. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan cemerlang sepanjang tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2015. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak kekal pada tahap prestasi baik sepanjang tempoh 8 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2014. Bagaimanapun, pada tahun 2015 Perbadanan Kemajuan Negeri Perak mencapai tahap prestasi pengurusan kewangan cemerlang.

**5.7.3.2.** Antara sebab Perbadanan Kemajuan Negeri Perak memperoleh tahap prestasi cemerlang kerana komitmen yang amat tinggi oleh pihak pengurusan terhadap pengurusan kewangan. Selain itu, bagi tahun kewangan 2014, Penyata Kewangan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak juga telah menerima Sijil Audit Bersih berbanding tahun kewangan sebelumnya yang mendapat Sijil Audit Berteguran.

**5.7.3.3.** Tahap prestasi bagi 14 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit berdasarkan pusingan telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2015. Bagaimanapun, 4 Jabatan/Agensi Negeri menunjukkan penurunan pada tahun 2015. Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 18 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit sekurang-kurangnya 2 kali dalam kitaran tempoh tahun 2007 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 5.4.**

**Carta 5.4**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri**  
**Tahun 2015 Berbanding Tahun Sebelumnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan perlu memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Bagi menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2015 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan Audit mengejut di 12 Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri. Secara keseluruhannya

pihak Audit mendapati beberapa perkara perlu diberikan perhatian seperti di **Jadual 5.4** berikut. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

**5.8.1.** Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 12 Jabatan/Agensi.

**5.8.2.** Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan, didapati kesemua Jabatan/Agensi Negeri yang dilawati tidak mematuhi peraturan kewangan. Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dibangkitkan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015**

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1.	Pejabat Agama Islam Gerik	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. [AP67].</li> <li>ii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. [AP67].</li> <li>iii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem.</li> <li>iv. Terimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan dan disahkan oleh Ketua Pejabat.</li> </ul>
2.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Daerah Pengkalan Hulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terimaan dan pengeluaran setem direkodkan sehingga bulan Ogos 2015 dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat sejak bulan Mac 2015.</li> <li>ii. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125].</li> </ul>
3.	Sekolah Raja Perempuan Taayah Ipoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perekodan borang hasil di dalam Daftar tidak betul.</li> <li>ii. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan. [AP69].</li> <li>iii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP309 (a)].</li> </ul>
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Rancangan Perumahan Awam)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal/Balai Polis. [AP126].</li> <li>ii. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. [AP126(a)].</li> <li>iii. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125].</li> </ul>

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agensi Negeri</b>	<b>Penemuan Audit</b>
5.	Pejabat Agama Islam Daerah Selama	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. [AP78(a)].</li> <li>ii. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. [AP126(a)].</li> <li>iii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP309(a)].</li> <li>iv. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. [AP99(a)].</li> <li>v. Invois tidak di cap "Tarikh Terima" bagi tujuan pemantauan bayaran.</li> </ul>
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Manjung	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baki fizikal PWR dikira berdasarkan jumlah amaun invois kerana Buku Tunai PWR tidak disediakan.</li> <li>ii. Buku Tunai PWR tidak disediakan.</li> <li>iii. Baucar kecil PWR tidak disediakan. Oleh itu tiada kelulusan baucar bayaran oleh Ketua Jabatan.</li> <li>iv. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggarakan peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125].</li> </ul>
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Gerik	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP309(a)].</li> <li>ii. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. [AP99(a)].</li> <li>iii. Baucar bayaran bagi bulan Mei hingga September 2015 belum disediakan sehingga tarikh Pemeriksaan Mengejut pada 22 September 2015.</li> <li>iv. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. [AP176].</li> <li>v. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari [AP103(a)].</li> <li>vi. Bil yang diterima tidak dicop tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran.</li> <li>vii. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh Penyelia. [AP95 (e)].</li> </ul>
8.	Perpustakaan Awam Gerik	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera. [AP78 (a)].</li> <li>ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. AP 309 (a)</li> </ul>
9.	Jabatan Kerja Raya Daerah Manjung	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tiada.</li> <li>ii. PWR digunakan untuk perbelanjaan peribadi berjumlah RM700.</li> <li>iii. Perwakilan kuasa bagi pegawai yang memungut hasil tidak disediakan. [AP69].</li> <li>iv. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. [AP126(a)].</li> <li>v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana tiada pemeriksaan dilaksanakan terhadap kaunter kutipan hasil.</li> </ul>

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agensi Negeri</b>	<b>Penemuan Audit</b>
10.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. [AP126(a)].</li> <li>ii. Baki fizikal wang PWR tidak dapat disahkan bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR kerana pegawai yang bertanggungjawab berkursus.</li> </ul>
11.	Pusat Servis Lembaga Air Perak Teluk Intan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi terimaan melalui pos. [AP71(a)].</li> <li>ii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. [AP80(d)].</li> <li>iii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.[AP61].</li> <li>iv. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125].</li> <li>v. Peti besi tidak mempunyai kod kombinasi.</li> <li>vi. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP309(a)].</li> <li>vii. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak disediakan. [AP309(b)].</li> </ul>
12.	Jabatan Perhutanan Daerah Perak Selatan Tapah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. [AP72].</li> <li>ii. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi terimaan melalui pos. [AP71(a)].</li> <li>iii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. [AP80(d)].</li> <li>iv. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal/Balai Polis. [AP126].</li> <li>v. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. [AP67].</li> <li>vi. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. [AP66].</li> <li>vii. Baki stok hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. [AP67].</li> <li>viii. Stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. [AP126(a)].</li> <li>ix. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.[AP61].</li> <li>x. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang rasmi yang berharga dengan selamat. [AP123(a)].</li> <li>xi. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. [AP125].</li> <li>xii. Had kuasa berbelanja tidak ditetapkan dalam sistem dan tiada perwakilan kuasa menandatangani baucar. {AP11, AP101 dan Laporan BV141(eSPKB)}.</li> <li>xiii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang '<b>TELAH BAYAR</b>' tidak ditebuk/cap telah bayar.</li> <li>xiv. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam</li> </ul>

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		<p>tempoh 14 hari [AP103(a)].</p> <p>xv. Bil yang diterima tidak dicop tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran.</p> <p>xvi. Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh Penyelia. [AP92(e)].</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.9. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan bagi Jabatan/Agensi Negeri Perak yang diaudit perlu dipertingkatkan lagi. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi mengambil tindakan seperti berikut:

**5.9.1.** Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa.

**5.9.2.** Pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop tertentu.

**5.9.3.** Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam urusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut.

**5.9.4.** Memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan *corrective* dan *preventive*. Tujuan tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang lagi.

**5.9.5.** Berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan.



---

## PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**19 Mac 2016**

